



● BIL 251 ● 23 - 29 FEBRUARI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

MCMC TINGKAT USAHAWAN DIGITAL

▶▶ 18-19

Tekad bina ummah
acuan MADANI >> 5

Jaga-jaga jangan
terpijak 'wayar' lagi >> 7

Kuala Lumpur
sifar HIV 2030 >> 9-11

Kenaikan OPR bebankan rakyat

KENAIKAN Kadar Dasar Semalaman (OPR) bagi memperkukuhkan nilai ringgit hanya akan membebankan rakyat.

Menteri Komunikasi, **Fahmi Fadzil** berkata cadangan itu dilihat bukan satu langkah terbaik untuk dilaksanakan buat masa ini.

"Saya ambil maklum ada sesetengah pihak yang memberikan pandangan atau cadangan yang mahu Bank Negara (BNM) untuk meningkatkan OPR kerana saya jangka itu bukan satu perkara yang akan membantu rakyat pada waktu ini.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah menyatakan sebelum ini, di mana perkiraannya sekiranya kadar OPR dinaikkan, kadar faedah lebih tinggi bagi Malaysia tetapi kesannya nanti kepada rakyat," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Dalam pada itu, Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan turut memaklumkan isu kejatuhan nilai ringgit tidak dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri kali ini.

Walau bagaimanapun, menurut Fahmi, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour ada meneliti perkara itu berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan.

Terdahulu, baru-baru ini, media melaporkan, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata prestasi ringgit baru-baru ini telah dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran, sama seperti mata wang serantau lain.

Abdul Rasheed Ghaffour turut memaklumkan antara faktor tersebut termasuk pelarasan pasaran kepada jangkaan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) yang berubah-ubah, kebimbangan geopolitik dan ketidakpastian berkaitan dengan prospek ekonomi China.

BNM berpandangan bahawa paras ringgit baru-baru ini tidak mencerminkan prospek positif ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Selain itu, nilai ringgit terus mencatat penurunan ketara Selasa lepas apabila mencecah paras 4.795 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) paras terendah.

Jika disingkap semula, mata wang negara mencapai paras terendah dalam sejarah iaitu 4.88 pada Januari 1998 iaitu ketika kemuncak Krisis Kewangan Asia.

Paras nilai ringgit juga mengatasi paras terendah harian yang dicatat pada 23 Oktober 2023 lalu iaitu 4.7925. 



KEJATUHAN ringgit tidak mencerminkan prospek positif ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Negara serantau turut terkesan

Kejatuhan RM tingkat ekonomi

SYED HAZIQUE

K EJATUHAN nilai ringgit ketika ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja malah turut melanda beberapa negara lain dengan kemerosotan nilai mata wang mereka.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kemerosotan tersebut berlaku namun ia langsung tidak mencerminkan prospek positif ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Pensyarah Ekonomi Putra Business School, **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** berpandangan pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) antara sebab utama kejatuhan ringgit.

"Memang betul, ringgit terkesan akibat faktor-faktor luaran, namun antara utamanya ialah pengukuhan nilai dolar itu sendiri.

"Indikator ekonomi negara tersebut telah kembali mengukuh dan data turut menunjukkan kadar pengangguran berkurangan, perbelanjaan tinggi dan sebagainya.

"Apabila ekonomi meningkat sekali gus akan mengukuhkan nilai mata wang itu, namun di sini kadar faedah yang tidak menurun juga menyebabkan banyak negara terkesan dengan tekanan kepada nilai mata wang mereka yang menyebabkan kemerosotan," katanya kepada pada Rabu.

Tambah Ahmed Razman, pasaran modal Malaysia terbuka kepada pelabur asing yang

membolehkan mereka bebas memiliki saham dan bon yang diterbitkan di Malaysia.

"Untuk rekod, bagi data terkini, nisbah milikan asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) telah pun merosot ke paras 33.8 peratus dan 9.3 peratus setakat Januari 2023 berbanding 36.6 peratus dan 10.2 peratus yang dicatatkan pada Julai tahun lalu.

"Ada pelbagai sebab milikan asing berkurangan. Salah satunya adalah pulangan pelaburan yang lebih tinggi di AS berdasarkan perbezaan kadar faedah iaitu Fed Fund Rate berada pada paras 5.50 peratus berbanding OPR 3.0 peratus.

"Walau bagaimanapun kenaikan kadar OPR bukanlah satu jalan penyelesaian yang terbaik kerana ia secara tidak langsung akan melemahkan pasaran ekonomi domestik," ujarinya.

Jelas Ahmed Razman, kenaikan atau kejatuhan nilai mata wang boleh membawa kesan positif dan negatif pada ekonomi serta masyarakat di sesebuah negara.

"Apabila nilai mata wang semakin merosot, daya saing barangan eksport akan meningkat. Harga barangan eksport yang relatifnya lebih murah akan meningkatkan permintaan dan melonjakkan pendapatan negara dijana daripada hasil eksport.

"Bagi memenuhi permintaan itu, penghasilan barang dan perkhidmatan ditingkatkan sekali gus menambah keuntungan kepada pengeksport dan peluang

peningkatan pendapatan pekerja.

"Selain itu, industri pelancongan juga akan turut berkembang apabila pelancong asing dapat menukarkan wang dengan nilai lebih tinggi, mendorong pertumbuhan pelancong serta perbelanjaan mereka di Malaysia," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, nilai ringgit terus mencatat penurunan ketara Selasa lepas apabila mencecah paras 4.795 berbanding dolar AS paras terendah.

Jika disingkap semula, mata wang negara mencapai paras terendah dalam sejarah iaitu 4.88 pada Januari 1998 iaitu ketika kemuncak Krisis Kewangan Asia.

Paras ringgit juga mengatasi paras terendah harian yang dicatat pada 23 Oktober 2023 lalu iaitu 4.7925.

Selain itu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour berkata prestasi ringgit baru-baru ini telah dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran, sama seperti mata wang serantau lain.

Abdul Rasheed Ghaffour turut memaklumkan antara faktor tersebut termasuk pelarasan pasaran kepada jangkaan kadar faedah AS yang berubah-ubah, kebimbangan geopolitik dan ketidakpastian berkaitan dengan prospek ekonomi China.

BNM berpandangan bahawa paras ringgit baru-baru ini tidak mencerminkan prospek positif ekonomi Malaysia pada masa akan datang.

Pertumbuhan pada tahun 2024 akan didorong oleh permintaan luaran yang bertambah baik dan perbelanjaan dalam negeri yang kukuh. 



AHMED RAZMAN

ISU BESAR

Bakal Tiba.....

Cadangan pindaan Akta355 perlu selari dengan reformasi

KEPUTUSAN kerajaan untuk melaksanakan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) 355 yang berkaitan dengan hukuman Mahkamah Syariah dijadualkan tahun ini dilihat berupaya memperkasa institusi tersebut namun ia dilihat tergesa-gesa memandangkan banyak perkara perlu dipertimbangkan terlebih dahulu.

Presiden Pertubuhan Pengamal Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia Malaysia (ProGuam) **Noorazmir Zakaria** berkata pihaknya mempunyai satu kekhawatiran kerana tindakan ini sebenarnya perlu dibuat secara selari dengan melaksanakan reformasi kepada Institusi Kehakiman Syariah, infrastruktur dan sebagainya.

"Apa yang dilihat ini adalah menaikkan hukuman dan

contoh menerusi kes petisyen Nik Elin Zurina Abdul Rashid itu, pada saya sebenarnya tidak menyentuh secara langsung dengan isu Akta 355 dan kalau diberi keutamaan mana satu yang perlu didahulukan, pada saya isu perlembagaan yang lebih harus

diberi penekanan dan keutamaan," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Menjelaz lanjut, Noorazmir berkata sekiranya Akta 355 dipinda sekarang, timbul persoalan adakah ia seiring dengan cadangan Jawatankuasa Khas Mengenai Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Menggubal Undang-Undang Syariah yang dipengerusikan oleh Tun Zaki Azmi nanti.

"Sebabnya bagi saya kalau ikut kepada asal ketika Datuk Seri Dr Mujahid Yusuf menjadi Menteri

di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)www ketika itu, perkara meminda Akta 355 adalah yang terakhir untuk dilakukan selepas rancangan kerajaan ketika itu untuk melaksanakan reformasi untuk semua segi.

"Misalnya jika semua perkara telah dikenal pasti dan akta berkenaan telah dipinda, selepas itu jika kajian mengenai Perlembagaan dibuat, maka berkemungkinan akan berlaku pindaan sekali lagi.

"Kerajaan juga perlu lihat secara komprehensif dan itu tidak seharusnya menjadi keutamaan sekarang ini dan perkara asas itu perlu dibareskan terlebih dahulu sebelum pindaan Akta 355," katanya.

Jelas beliau, pandangan tersebut tidak bermaksud pihaknya tidak menyokong

langkah yang diambil kerajaan, namun menteri berkaitan perlu melihat pelbagai akta berkait termasuklah Akta Profesi Guaman Syariah dan penyelarasan undang-undang syariah negeri-negeri.

Sementara itu, peguam civil dan syarie, **Wan Anwar Wan Ibrahim** berkata segala usaha untuk memperkasakan bidang kuasa dan memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah harus disokong termasuklah apa-apa pindaan undang-undang yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

Ujar beliau, dalam usaha untuk menyemak semula hukuman, tidak timbul soal lapuk tetapi ia perlu selaras dan selari dengan perubahan zaman dan masyarakat.

"Apapun kita perlu menanti cadangan daripada Jawatankuasa

Khas yang sudah tentu memerlukan proses lanjut iaitu kelulusan daripada Majlis Kebangsaan Bagi Agama Islam (MKI).

"Selain itu perkenan Majlis Raja-Raja juga diperlukan kerana ia merupakan institusi utama dalam hal ehwal Islam negara kita," katanya.

Jelas Wan Anwar, meskipun Akta 355 ini pernah dibangkitkan di bawa secara persendirian oleh Ahli Parlimen Marang itu, orang ramai perlu memahami bahawa ia merupakan hukuman takzir.

"Kita sedia maklum bahawa apa jua undang-undang yang merupakan terbitan daripada ijihad sudah tentu akan terbuka kepada wacana umum mahupun khusus.

"Oleh itu, semua pihak harus berlapang dada dengan cadangan pindaan ini dan sekiranya hendak diwacanakan sekali pun ia mestilah di dalam ruang lingkup akademik dan tidak perlu dipolitikkan," katanya. 



NOORAZMIR



WAN ANWAR

Sekian lama jadi 'mangsa' politik

Kini tiba waktu sesuai pinda Akta 355

AZLAN ZAMBRU

SETELAH dipolemikan pelbagai pihak, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau lebih dikenali sebagai Akta 355 akan dinoktahkan tidak lama lagi apabila kerajaan bersedia membentangkan pindaan akta berkenaan tahun ini.

Bercakap mengenai perkara tersebut, Penganalisis Undang-Undang Perlembagaan, **Dr Mohamed Hadi Abdul Hamid** berkata tindakan untuk membentangkan akta berkenaan dilihat tepat pada masanya berikutan ia telah sekian lama menjadi 'mangsa' politik pelbagai pihak.

"Sekarang ini merupakan waktu yang amat sesuai untuk memperkasakan Mahkamah Syariah dan ia perlu dibuat tetapi selama ini ia menjadi modal politik oleh sesetengah pihak dan banyak masa telah dibazirkan dengan polemik tuduh-menuduh siapa yang Islamik atau pun tidak Islamik, sedangkan ini merupakan tanggungjawab bersama tanpa mengira sempadan parti.

"Biarkan proses itu berjalan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyatakan bahawa perkara itu sudah pun melepasi sesi libat urus dan kini di peringkat akhir sebelum ia dibentangkan di Parlimen untuk pindaan," katanya ketika dihubungi pada Rabu.



MOHAMED HADI

Mohamed Hadi berkata walaupun Ahli Parlimen Marang yang juga Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang pernah membentangkan Rang Undang-Undang Persendirian berkenaan

pindaan akta berkenaan namun ia hanya pada peringkat pendengaran sahaja tanpa ada apa-apa perbincangan, perbincangan atau tindakan lanjut.

"Apa yang berlaku kini perkara untuk meminda akta berkenaan akan dibawa menghadap Majlis Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sebelum baginda memberi perkenan dan kemudian barulah dibentangkan di Parlimen," katanya.

Menurut Mohamed Hadi, akta berkenaan dikhususkan untuk had hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang memperuntukkan

hukuman tiga tahun penjara, denda RM5,000 dan enam sebatan (lebih dikenali sebagai formula 356) jika disabitkan dengan kesalahan yang dilihat tidak mampu untuk memberikan keinsafan kepada pesalah dan tidak selari dengan perkembangan semasa, selepas pindaan terakhir dibuat empat dekad yang lalu pada tahun 1984.

"Ada yang mencadangkan hukuman perlu dinaikkan, misalnya penjara tiga tahun dinaikkan kepada 30 tahun, denda dinaikkan kepada RM100 ribu dan 100 sebat. Tetapi kita tidak tahu adakah ini cadangan muktamad kerana apa yang dicadangkan oleh jawatankuasa teknikal ini perlu dibawa ke negeri-negeri dan dibentangkan kepada Raja-Raja Melayu untuk diperkenankan," katanya.

Beliau berkata pindaan terhadap akta ini dibuat pastinya akan ada peningkatan terhadap hukuman yang dinyatakan sekali gus

mencerminkan bahawa kerajaan telahpun mengikut lunas undang-undang dan proses berkaitan sebelum ia dibentangkan.

"Jika kita lihat dari kenyataan menteri bahawa ketika ini ia telahpun melalui proses akhir, jadi tidak wajar dipolitikkan selepas pembentangan di Parlimen nanti.

"Blok Perikatan Nasional (PN) juga telah menyatakan persetujuan untuk menyokong namun diharapkan pandangan yang membina dapat diutarakan, bukannya pandangan yang berbau politik dan permainan sentimen semata-mata," katanya.

Mohamed Hadi berkata usaha ini tidak wajar untuk menunggu keputusan daripada Jawatankuasa Khas Mengenai Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Menggubal Undang-Undang Syariah termasuklah cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan kerana ia melibatkan dua perkara yang berbeza.



PINDAAN Akta 355 akan memberi lebih ruang kepada pemerkasaan Mahkamah Syariah dalam negara. - Koleksi JKSM

"Ia merupakan kes yang berbeza kerana jika ada atau tidak kes Nik Elin Zurina ataupun Iki Putra, pindaan terhadap akta berkenaan sememangnya perlu dilaksanakan dan disegerakan.

"Seeloknya kerajaan perlu fokus untuk pinda akta itu terlebih dahulu, dan kita lihat adakah negeri-negeri akan ikut atau tidak dan dalam masa sama kita juga perlu meneliti cadangan daripada jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Tun Zaki Azmi ini kerana soal pindaan Perlembagaan Persekutuan merupakan perkara besar dan memerlukan penelitian lanjut dari pelbagai aspek perundangan dan sebagainya," katanya.

Ujar Mohamed Hadi, sekiranya cadangan untuk membiarkan proses Pindaan Perlembagaan dilaksanakan terlebih dahulu, ia dikhuatiri akan menjejaskan perancangan kerajaan untuk meningkatkan dan menaik taraf Mahkamah Syariah yang sebelum ini dipolemikan pelbagai pihak.

"Jadi prosesnya juga memakan masa yang lama kerana ia cadangan daripada jawatankuasa khas itu akan dipersembahkan kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Proses selanjutnya pula juga perlu dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja Melayu. Jadi sekiranya perlu untuk semua perkara selesai terlebih dahulu, maka ia pasti mengambil masa yang lebih lama untuk meminda Akta 355 itu," katanya. 

Data peribadi PADU digodam? Tak pasti jangan kongsi

SEJAK dilancarkan pada Januari lalu, sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang diperkenalkan kerajaan terus menjadi topik utama perbincangan semua pihak. Malah terdapat segelintir yang seakan 'terpaling' arif tentang sistem tersebut.

Terbaharu, kecoh di laman sosial mengatakan sistem PADU berjaya ditembusi oleh penggodam sekali gus mencuri data daripada PADU dan menceroob infrastruktur keselamatan salah sebuah agensi kerajaan.

Nampaknya lebih sebulan dilancarkan namun rakyat masih belum memahami sepenuhnya apa sebenarnya PADU dan sejauh mana data peribadi mereka dilindungi. Biarpun bertebaran di media sosial dan dada akhbar tentang perlindungan data yang dijamin namun masih ada yang memekakkan telinga dan membutakan mata untuk memahaminya.

Dalam masa yang sama, mereka lebih suka mendengar khabar angin lebih-lebih lagi mempercayai info daripada sumber yang tidak diyakini. Sedangkan terdapat laman @paduofficial _ disediakan untuk pengesahan.

Menafikan perkara tersebut, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam ciapan di laman X mengesahkan info yang dilaporkan forum dalam talian tersebut tidak benar dan tidak disemak terlebih dahulu.

Masalah paling utama yang sukar untuk diperbaiki adalah gemar untuk berkongsi sesuatu



KERAJAAN jamin data peribadi pengguna dilindungi sepenuhnya.

yang tidak pasti, menyebarkan data sekali gus mendatangkan kekusaran kepada orang lain.

Perlu ditekankan di sini PADU dibangunkan 100 peratus oleh penjawat awam untuk mengurangkan risiko kebocoran data kepada pihak ketiga dan vendor luar yang memiliki akses kepada data rakyat.

Jadi, bagi mengatasi masalah ini maka pihak kerajaan telah membangunkan PADU dan dalam masa yang sama tidak perlu bergantung harap pada pihak luar yang akhirnya menghabiskan wang dan keselamatan belum tentu terjamin.

Model sebelum ini yang

melantik vendor atau syarikat swasta untuk aplikasi kerajaan tidak sesuai kerana keterbatasan untuk mengawal sistem dan kerumitan menyelesaikan masalah berkaitan dengan segera.

Tidak perlu dipertikaikan terus menerus berkenaan hal ini memandangkan keutamaannya adalah menggunakan kepakaran dalaman selain tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

Rafizi sebelum ini berkata, jika pihak berkenaan melanggar akta tersebut maka mereka boleh didakwa berbanding jika pihak ketiga (vendor), mereka tidak tertakluk kepada akta tersebut.

Betapa pentingnya sistem ini dalam memastikan rakyat yang layak memperoleh manfaat dan seterusnya tidak tercicir menerima bantuan dan perlindungan sosial serta subsidi bersasar oleh pihak kerajaan. Malah data yang dikumpul bukan data baharu, ia merupakan data yang ada dalam pangkalan data kerajaan.

Terdahulu, PADU telah diaudit oleh pasukan berkemahiran tinggi untuk memastikan perlindungannya seperti apa yang telah disarankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). 

Beras Putih Madani solusi tangani kartel

ISU Beras Putih Malaysia MADANI yang hangat diperkatakan saat ini bukanlah untuk menyokong kartel sebaliknya ia dapat memastikan industri beras negara bebas dari kawalan pihak tersebut.

Di laman sosial, ada yang mendakwa kerajaan mempunyai niat tersembunyi untuk kepentingan sendiri bukan memikirkan kehidupan rakyat terutamanya dalam keadaan ekonomi yang serba mencabar.

Walau bagaimanapun kita seharusnya memahami bahawa perkara ini belum diputuskan dan tidak perlu membuat andaian mengikut emosi memandangkan ia akan diteliti serta dibincang secara terperinci terlebih dahulu.

Perbincangan tersebut bakal berlangsung dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum



KERAJAAN belum buat keputusan wujud satu gred beras putih. - Gambar hiasan

ini menyatakan cadangan mewujudkan Beras Putih Malaysia MADANI akan membantu negara dalam menyekat campur tangan kartel sekali gus menjamin bekalan makanan ruji rakyat.

Memetik kenyataan Menteri

Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, kekeliruan timbul susulan pengumuman Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkait cadangan mengenai Beras Putih

Malaysia MADANI.

Namun sebarang ketetapan mestilah dibuat mestilah berpandukan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] serta dimaklumkan kepada Jemaah Menteri.

Sudah pasti kerajaan tidak akan menindas dan membebankan rakyat malah membantu sedaya upaya untuk mengurangkannya dengan pendekatan yang lebih holistik.

Terdahulu, Syed Abu Hussin mencadangkan pihak kerajaan mengeluarkan Beras Putih Malaysia MADANI untuk menggantikan kategori beras tempatan dan import dengan harga yang lebih rendah.

Sementara pada Februari lalu, Pengerusi Task Force NACCOL, Syed Abu Hussin Hafiz mengumumkan kerajaan akan memperkenalkan beras tersebut yang dijual pada harga RM30 bagi setiap 10 kilogram (kg) dijangka mulai 1 Mac depan. 

MENARIK WILAYAHKU

INI KRAF MALAYSIA
HKK 2024

HARI KRAF KEBANGSAAN
NATIONAL CRAFT DAY
23 FEB - 4 MAC 2024 | KOMPLEKS KRAF
KUALA LUMPUR

AKTIVITI GALARAN PENGUNJUNG
BESAR & CRAFTS DI SINI



KUALA LUMPUR

1-29/2/24: Kempen Pengecualian Denda Lewat Pemulangan Buku @ Perpustakaan KL

19-23/2/24: Kem Muzik Remaja 2024 @ Auditorium DBKL

21/2-4/3/24: Ini Kraf Malaysia @ Hari Kraf Kebangsaan 2024

2/3/24: Marhaban Ya Ramadhan 2024 @ Auditorium DBKL



PUTRAJAYA

19/1-25/2/24: Leap Of Spring @ IOICITY MALL

24/2-3/3/24: Festival Lentera @ Anjung Floria

24/2-3/3/24: Pertandingan LAMPU Kreativiti 3R 2024

25/2/24: Putrajaya Inter Park Ride @ Taman Wetland

2/3/24: Putrajaya Lake and Wetland Explorace @ Taman Wetland



LABUAN

1-29/2/24: Karnival Beli-Belah @ WP Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

1-29/2/24: Pertandingan bercucuk @ 27 kampung di Labuan

Tekad bina kesatuan ummah acuan MADANI

Apakah reaksi utama Dr setelah diminta untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ini?

Pelantikan ini bukanlah dalam perancangan karier, namun begitu saya menganggap ia salah satu daripada cabaran dan peluang yang boleh diusahakan di mana saya mengambil tauladan Ibnu Khaldun, apabila beliau menghasilkan kitab Muqaddimah setelah melalui jatuh bangun dalam kehidupannya, dari seorang ahli politik, hakim, aktivis masyarakat selain jatuh bangun tamadun, akhirnya beliau dapat menulis Al-Muqaddimah yang mahsyur. Saya anggap ini merupakan peluang yang diberikan oleh Allah SWT untuk melengkapkan perjalanan hidup sebagai seorang pemimpin mahupun ahli politik.

Apakah perbezaan kehidupan dahulu Dr sebagai ahli akademik dan kini sebagai Timbalan Menteri ?

Sebagai seorang ahli akademik, bersama dengan masyarakat itu merupakan salah satu daripada sebahagian hidup saya kerana sebelum ini saya terikat dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Global Peace Malaysia dan dengan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) yang lain termasuk di luar negara. Saya aktif di United Kingdom dan menjadi Profesor Pelawat di Amerika Syarikat, jadi umumnya hidup saya sentiasa dengan masyarakat.

Saya tidak kekok kerana sudah biasa dengan masyarakat namun begitu yang berbeza adalah status sebagai Timbalan Menteri dan Senator yang mungkin mempunyai jangkaan berbeza oleh masyarakat.

Adakah Dr kesal dengan keputusan untuk terjun ke dunia politik hari ini kerana dilihat berpeluang cerah menjadi Rektor atau Naib Canselor universiti?

Apabila dimaklumkan untuk dilantik ke jawatan ini, saya sebenarnya memikirkan dan melihat apa yang boleh di sumbangkan kerana itu yang lebih penting dengan pengalaman dan pengetahuan yang ada dan sedikit kecenderungan melihat politik Islam yang berjaya itu membuatkan saya bersemangat untuk melaksanakan idea-idea awal, malahan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggagaskan Malaysia MADANI itu, saya telahpun menulis beberapa artikel tentang daulah MADANI ini, serta sebuah buku Pemikiran Rached Ghannouchi yang

MENDAKI jawatan tinggi sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), tidak pernah ada dalam lembaran hidupnya selama ini. Namun bagi **Dr Zulkifli Hassan**, pelantikannya ke kedudukan itu diterima dengan penuh rasa tanggungjawab tatkala melihat Hal Ehwal Islam di negara ini masih perlu diperkasa.

Bekas Timbalan Rektor dan Dekan Fakulti Undang-Undang dan Syariah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini menjadikan tokoh Islam terkemuka, Ibn Khaldun sebagai suri teladan dalam mengangkat karamah insaniah menerusi kedudukan yang ada sekali gus memastikan penghayatan orang ramai terhadap ajaran Islam berada pada tahap yang membanggakan.

Dalam wawancara eksklusif bersama Wartawan Kanan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY**, jurukamera **MOHD SHUAIB AYOB** dan juruvideo **MOHD HASIF** di pejabatnya baru-baru ini, Zulkifli berkongsi aspirasi dan tekad untuk meningkatkan kefahaman Islam sekali gus membentuk budaya Malaysia MADANI dalam kalangan ummah.



BUKU Adab Dialog Dalam Islam karya Prof Dr Muhammad Sayyid Tantawi menjadi rujukan Zulkifli menguruskan perbezaan.

juga menceritakan mengenai daulah MADANI dan beberapa artikel berkaitan konsep dan aspirasi MADANI. Jadi apabila dimaklumkan itu saya terfikir ini mungkin Allah mahu memberikan peluang untuk merakyatkan idea-idea besar ini.

Sebagai 'orang baru', apakah persediaan Dr untuk sidang parlimen akan datang?

Ini merupakan soalan yang menarik kerana saya tidak tahu apa yang akan berlaku dalam Parlimen nanti. Namun begitu dari aspek akademik, ia merupakan satu rutin kepada seorang profesor untuk berhujah dan berdialog untuk memberikan pandangan. Namun begitu dalam dunia akademik ini ia berlaku secara aman, damai dan tertib walaupun berbeza pandangan dalam keadaan beradab dan sebagainya.

Di dalam akademik perbezaan pandangan itu sesuatu yang biasa dan diterima serta menjadi paksi kepada pencambahan idea. Namun begitu apabila disebut Parlimen, saya selalu memerhatikan debat di dalam Parlimen dan ketika ini antara persediaan yang saya lakukan adalah membaca segala dokumen dan saya telah meminta pegawai Parlimen untuk memberikan tunjuk ajar berkenaan dengan peraturan dan isu-isu termasuklah apa sahaja berkaitan

dengan Hal Ehwal Islam.

Jadi umumnya saya boleh katakan di Parlimen itu kerap kali isu yang sama dibangkitkan, sebagai contoh apabila tiba musim haji, isu itu akan dibincangkan jadi sekurang-kurangnya soalan yang kita tahu sudah boleh dijawab. tetapi jika ada isu baru saya belum boleh jangkakan apa yang berlaku di Parlimen dan pada masa sama, saya juga teruja untuk berdebat dan berhujah di Parlimen.

Apakah yang Dr ingin lakukan supaya agensi agama ini boleh ditambah baik khususnya program-program untuk masyarakat di bawah JAKIM?

Saya ingin rumuskan bahawa apa yang paling penting adalah untuk *connecting the dot*. Kami juga berusaha memastikan Islam itu dapat sampai kepada semua 10 stake holders yang difokuskan seperti penjawat awam, pelajar di semua peringkat kemudian menerusi NGO dan persatuan penduduk yang berjumlah ratusan ribu termasuklah *Non-Muslim*. Selain itu, kami memfokuskan kepada sektor korporat dengan memastikan idea Ekonomi MADANI dan ekonomi manusiawi itu dapat diangkat sebaiknya.

Idea ini juga turut akan dibawa ke antarabangsa menerusi pembabit Institut Kefahaman Islam Malaysia

(IKIM) dan International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS). Tidak lupa juga kami turut memfokuskan untuk memperkasakan institusi masjid, surau Jumaat dan surau yang jumlahnya menjangkau puluhan ribu. Insya-Allah idea gagasan Malaysia MADANI boleh capai termasuklah dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, dan keseluruhan *stake holders* ini jika kita berjaya memberikan penerangan dan pencerdasan, Insya Allah Malaysia akan menjadi negara moden, negara Islam yang terbaik di dunia.

Dr menyebutkan bahawa keterlibatan dengan semua pihak ini diperlukan, bagaimana pula dengan negeri-negeri yang tidak selari dengan Kerajaan Persekutuan?

Dari segi aspek politik memang ada sedikit jurang, namun dalam konteks Hal Ehwal Agama ini di bawah Negeri-negeri dan fungsi untuk adalah untuk menyelaras, menyeragam dan membantu untuk merancang hala tuju dan sebagainya. Jadi apa kami lakukan kita bergerak ke semua negeri itu sama sahaja namun begitu sekiranya ada permintaan atau sedikit *niche* atau keunikan yang ada kita akan tangani secara berasingan.

Kita juga melayani semua

negeri sama sahaja dan tidak ada perbezaan, cuma sekiranya ada, kita akan tangani dengan baik sebagai contoh jika kita melaksanakan program melalui agensi-agensi di bawah portfolio Hal Ehwal Agama, kita tidak pernah mengeneipkan Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis, bahkan kita beri sama rata contohnya untuk peruntukan guru KAPA. Cumanya sekiranya ada dalam konteks kearifan tempatan maka kita akan raikan perbezaan itu.

Apakah tindakan Dr dalam menangani persepsi yang tidak baik kepada Islam terutama melibatkan perbalahan manhaj?

Sebenarnya isu ini sudahpun bermula ribuan tahun lalu, perbezaan manhaj dan pandangan itu memang fitrah dalam konteks agama. Kita ada kumpulan salafi, sufi, ahli sunnah wal jamaah dan ada juga wahabi, liberal dan ini semua adalah klasifikasi yang dibuat dan ianya berlaku sepanjang zaman.

Apa yang lebih penting adalah bagaimana kita menguruskan perbezaan dan kepelbagaian. Perdana Menteri juga ada berpandangan untuk melaksanakan beberapa pendekatan dan sebagai contoh beliau telah melancarkan buku *Adab Al-Ikhtilaf Fil Islam* (Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam) Karya Prof Dr Taha Jabir Fayyadh Al- 'Alwani, dan buku ini telahpun diminta untuk diwacanakan dan ada juga buku *Adab Al-Hiwar Fi Al-Islam* karya Prof Dr Muhammad Sayyid Tantawi bagaimana untuk menguruskan perbezaan. Ini sangat penting dan masyarakat kita mesti diajar dan diberikan kefahaman untuk menguruskan perbezaan kerana apa yang paling penting adalah kita menghormati perbezaan pandangan.

Itu di dalam konteks orang Islam yang berbeza manhaj dan fikrah, bagaimana dengan golongan bukan Islam pula?

Salah satu daripada main stake holders adalah orang bukan Islam kerana mereka juga sebahagian daripada Ummah dan Bangsa Malaysia. Kita perlu santuni dan meraikan perbezaan pandangan dan juga aspirasi serta perseptif mereka. Mungkin yang kita wacanakan menerusi kaedah *Adabul Hiwar Al-Islam* iaitu *interfaith dialogue* dengan golongan tersebut kerana di dalam konteks Islam itu sendiri, istilah *Lita'arafu* itu sebenarnya menuntut bukan sahaja kepada kita bahkan orang lain untuk saling memahami dan mengenali. Apa yang kita ingin lakukan adalah untuk memperhebatkan lagi konsep itu kerana ia merupakan sunnah Rasulullah SAW. 

Operasi Tindakan Khas Penjaja Siri 3/2024

Peniaga sokong usaha DBKL perangi 'rambo'

HAZIRAH HALIM

TINDAKAN berani peniaga 'rambo' menjalankan perniagaan di sekitar kawasan Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur membawa padah apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Penguatkuasaan bertindak mempertingkatkan pemantauan dan tindakan.

Namun seakan sudah lali terdapat segelintir yang masih berdegil biarpun telah ditegur dan disita barangan jualan mereka. Keengganan memberikan kerjasama kepada pihak DBKL mengundang masalah kepada pihak lain.

Menurut salah seorang peniaga yang memiliki permit DBKL, Mohd Shahrul Yamin berkata, tindakan DBKL bersama agensi kerajaan terlibat harus dipuji dalam mengurangkan kegiatan peniaga 'rambo' tersebut.

"Ia wajar dilaksana DBKL memandangkan masih terdapat segelintir golongan tersebut yang berani menjalankan perniagaan terutama di kawasan parkir sehingga menimbulkan amarah dalam kalangan pengunjung taman tasik.

"Sebelum kawasan ini dinaik taraf dari segi fasiliti dan keindahan, kesemua para peniaga



OPERASI tindakan khas penjaja di taman tasik titiawangsa baru-baru ini. (gambar kecil).

berlesen dibenarkan untuk berniaga dalam perkarangan Tasik Titiwangsa namun apabila ia dimulakan, kami dipindahkan ke tempat ini untuk meneruskan aktiviti perniagaan.

"Walaupun bagaimanapun, sebaik berpindah kami (peniaga) mendapati terdapat lambakan peniaga rambo yang bertindak berani memacakkan khemah atau berniaga secara *car boot sale*. Bila ditegur oleh pihak penguat kuasa, mereka memberontak.

"Ada yang mempersoalkan, itu merupakan satu-satunya cara dan lokasi strategik untuk berniaga," ujar Mohd Shahrul lagi.

Ekoran daripada situasi itu, ia sekali gus telah menyebabkan berlakunya kekurangan parkir kepada pengunjung memandangkan lokasi tersebut merupakan tumpuan pelancong terutama pada hujung minggu.

"Di sini masalah utama adalah parkir jadi, apabila wujudnya lambakan peniaga ia menjejaskan

ruangan parkir buat pengunjung. Jadi, saya menyokong tindakan yang dilaksanakan serta dalam masa saya yakin DBKL mempunyai rancangan yang bernas untuk mengatasinya," katanya yang sudah 13 tahun menjalankan perniagaan di taman tasik itu.

Berkongsi pandangan sama, Mohd Izwan Idrus turut berharap pihak DBKL menyediakan lokasi khusus kepada para peniaga di samping berkongsi pelan lokasi-lokasi yang dibenarkan untuk

berniaga.

"Isu peniaga 'rambo' di Taman Tasik Titiwangsa ini sudah menjadi perkara biasa namun langkah yang mungkin boleh diambil dengan menempatkan kesemua peniaga berlesen di satu kawasan, ia bukan sahaja memudahkan pihak DBKL untuk memantau malah pihaknya dapat mengenal pasti berapa banyak lambakan peniaga rambo di taman tasik ini.

Sebelum ini, DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan telah melaksanakan satu Operasi Tindakan Khas Penjaja Siri 3/2024 di Taman Tasik Titiwangsa pada Sabtu (17 Februari).

Operasi itu melibatkan kerjasama Pihak Pejabat Cawangan Setiawangsa, Pejabat Cawangan Titiwangsa, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi termasuk Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal DBKL.

Menerusi tindakan itu juga, sembilan kes tindakan sitaan, pindah halangan dan barangan perniagaan telah diambil selain 111 peralatan sewaan perniagaan dipindahkan terdiri daripada pelbagai jenis basikal, skuter elektrik (tut-tut) dan lain-lain peralatan. 

Mangsa kebakaran sebak terima rumah baharu

IBU kepada tiga orang anak, Zuriani Mat Rawi, 45, meluahkan rasa syukur apabila menerima rumah baharu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas kediamannya di Projek Perumahan Rakyat (PPR), Air Panas terbakar baru-baru ini.

Disebalik dugaan tersebut, Zuriani tidak menyangka DBKL memberi rumah lain buatnya hanya dalam tempoh 24 jam selepas kediamannya terbakar akibat litar pintas.

"Terima kasih di atas keprihatinan dan bantuan yang sangat pantas DBKL, persatuan penduduk termasuklah Datuk Afdlin Shauki selaku Ahli Lembaga Penasihat DBKL kerana sudi membantu keluarga kecil saya," katanya.

Berkongsi mengenai kejadian tersebut, Zuriani berkata dia menyedari rumahnya terbakar selepas menerima pesanan mesej daripada kumpulan WhatsApp perumahan.

"Ketika kejadian itu saya berada di pejabat, lebih kurang pukul 10.30 pagi saya dapat mesej ada berlaku kebakaran di



ZURIANI ketika menerima kunci rumah baharu, baru-baru ini.

Tingkat 12 pintu 10.

"Jadi, saya terus hubungi anak untuk balik ke rumah dahulu sementara saya sampai. Setibanya anak di rumah, bomba sudah ada dan dia tidak dibenarkan masuk," katanya yang masih terkejut dengan kejadian itu.

Menurut Zuriani, punca kebakaran tersebut disebabkan litar pintas di bahagian plug peti ais dan mengakibatkan 60 peratus bahagian rumahnya

terbakar.

Lebih menyedihkan, Zuriani memberitahu dia kini kehilangan rumah yang menyimpan 1001 kenangan bersama anak-anaknya.

"Rumah inilah saksi saya membesarkan mereka ketika bergelar ibu tunggal. Jadi bila tengok rumah sudah terbakar, saya sangat sedih sebab banyak kenangan pahit manis yang pernah dilalui," ujarnya. 

Tiga lelaki penjaga parkir haram ditahan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak menahan dua lelaki warga tempatan serta seorang warga India selepas dipercayai terlibat sebagai penjaga parkir tanpa kebenaran.

DBKL berkata tiga individu itu ditahan menerusi pelaksanaan Tindakan Khas Penjaga Parkir Tanpa Kebenaran (Ops Jaga) Siri 2/2024 di sekitar Jalan Raja Alang dan Jalan Pudu baru-baru ini.

"Berdasarkan risikan dan pemerhatian di lokasi hotspot, tiga lelaki berkenaan merupakan antara individu yang menjaga dan mengutip wang parkir tanpa kebenaran di kawasan awam.

"Ia melakukan aktiviti itu terhadap kenderaan yang meletakkan kenderaan di parkir bahu jalan, siar kaki, kawasan lapang atau mana-mana petak letak kereta awam sedia ada pada waktu malam," jelas DBKL.

Menurut DBKL, ketiga-tiga individu yang ditahan di bawa ke Jabatan Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut dan proses dokumentasi (pendakwaan mahkamah/kertas siasatan).

"Hasil daripada keputusan Mahkamah Majistret DBKL semasa sesi pendakwaan pada pagi Isnin bersamaan 18 Februari 2024, seorang telah dikenakan hukuman penjara 30 hari.

"Seorang pula dijatuhi hukuman denda sebanyak RM800 manakala seorang lagi diperintah hadir sebutan semula kes pada 4 Mac nanti," ujar DBKL.

tindakan penguatkuasaan dibuat melalui peruntukan Undang-Undang di bawah Sekyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam pada itu, DBKL memaklumkan pihaknya merekodkan sebanyak 154 aduan yang diterima berkaitan aktiviti penjaga parkir tanpa kebenaran sepanjang tahun 2023.

DBKL telah menahan dan memeriksa seramai 146 individu dalam kalangan warga tempatan dan warga asing yang terlibat menerusi pengaturan tindakan, pemantauan harian termasuk 12 siri operasi khas yang dilaksanakan.

"Seramai 46 individu telah dibawa ke mahkamah dan 23 orang dijatuhi hukuman penjara, 23 orang dikenakan hukuman denda manakala 52 orang individu lain dikenakan Notis Surat Akujanji oleh Jabatan Penguatkuasaan DBKL.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan. Sebarang aduan atau maklumat, orang awam boleh berhubung melalui portal ADU@KL di laman sesawang <http://adukl.dbkl.gov.my>," katanya. 

Jaga-jaga jangan sampai terpijak 'wayar' lagi


ZULKIFLI SULONG

PERLEMBAGAAN dan Raja-raja Melayu adalah dua institusi penting di negara ini. Ia sepatutnya menjadi sandaran kesemua pihak dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing di negara Malaysia yang tercinta ini.

Apabila menjadi Ahli Dewan Rakyat, semua wakil rakyat sama ada pembangkang atau penyokong kerajaan akan bersumpah untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tulang utama negara ini.

Raja-Raja Melayu pula aadalah pihak yang bertanggungjawab menjaga kesucian Islam di negara ini ketika Islam adalah agama persekutuan.

Bagi melaksanakan tugas masing-masing, baginda Raja-Raja Melayu dan kerajaan telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Islam (MKI) untuk menyelaras peranan mereka dalam menjaga agama Islam.

Oleh itu, apa-apa keputusan yang dibuat oleh MKI sewajarnya dihormati oleh semua pihak apatah lagi kesemua pemimpin negeri dan negara yang berkaitan terlibat dalam majlis yang dipimpin oleh Baginda Sultan Selangor ini.

Oleh itu, saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar agar semua pihak akur kepada titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid dan mendukung Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara adalah tepat sekali.

Katanya, Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk Menggubal Undang-Undang Islam sentiasa diberikan ruang sepenuhnya untuk mengkaji isu berkaitan kompetensi DUN dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntuk di bawah Butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, semua cadangan jawatankuasa itu yang dipengerusikan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi, akan dikemukakan kepada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan seterusnya diangkat kepada Majlis Raja-Raja untuk diperhalusi dan diperkenan.

"Semua pihak diseru untuk bertenang serta tidak melakukan apa-apa provokasi yang boleh mengundang kepada keresahan awam sementara menantikan


SULTAN Selangor mempengerusikan Mesyuarat MKI.

cadangan daripada Jawatankuasa Khas ini," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Sultan Sharafuddin yang mempengerusikan MKI ke-71 bertitah mengenai kepentingan usaha mencari jalan mengatasi isu itu dengan mengkaji kaedah memperluas kompetensi Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang jenayah syariah dalam kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Baginda bertitah demikian sebagai mengulas keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari lalu yang mengisytiharkan 16 kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kanun Syariah Jenayah Kelantan sebagai batal dan tidak sah.

Mohd Na'im yang juga bekas Ketua Hakim Syari Malaysia juga berkata, pihaknya menjunjung tinggi titah Sultan Sharafuddin supaya setiap perbezaan pandangan perlu diselesaikan secara musyawarah, tertutup serta meraikan perbezaan pandangan secara ilmiah dan berhemah.

Oleh itu, wajar benar rasanya, Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan mengawal dirinya dari terus melanggar tembok dalam berurusan dengan Raja-raja Melayu.

Ini kerana, sudah dua kali beliau ditegur oleh Raja-raja Melayu dalam menjalankan tugasnya dan dianggap tidak menghormati pemerintah paling tertinggi iaitu institusi Raja-Raja Melayu.

Takiyuddin pemimpin PAS pertama yang pernah ditegur terang-terangan oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan Sultan Selangor atas perbuatan tidak menghormati institusi itu.

Kes yang pertama ketika Takiyuddin mengumumkan pembatalan Ordinan Darurat di Parlimen tanpa perkenan baginda Yang di-Pertuan Agong pada waktu itu, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Al Sultan menerusi kenyataan rasmi Istana Negara, menzahirkan rasa amat dukacita kerana pembatalan itu belum lagi diperkenan baginda.

Kedua, adalah ketika Takiyuddin

mengisytiharkan 'Jumaat yang hitam' selepas Mahkamah Persekutuan membatalkan 16 peruntukan dalam enakmen jenayah syariah Kelantan, 9 Februari lalu.

Perkara itu mendapat teguran langsung dari Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Tanpa menyebut mana-mana pihak, baginda bertitah kenyataan seperti 'Jumaat hitam' itu menimbulkan polemik sehingga mengelirukan umat Islam.

Bagaimanapun selepas Sultan Sharafuddin membuat teguran itu, Takiyuddin tetap mempertahankan kenyataannya.

Dalam sidang medianya, Takiyuddin berdalih, mengatakan bahawa ia adalah respons biasa yang dibuatnya selaku peguam apabila ada kes yang tidak berpihak kepadanya.

"Bila saya kalah kes, saya kata 'ini Isnin yang hitam, atau Selasa yang hitam. Ia hari yang hitam untuk anak guam saya," katanya dalam nada bergurau ketika sesi dialog antara pemimpin PAS dengan media berbahasa Cina di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Itu (hari yang) hitam untuk kami...kerana undang-undang kami di Kelantan diisytihar tidak sah dan tidak berperlembagaan," katanya.

Respon itu mendapat perhatian Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang menyifatkan perbuatan Takiyuddin yang ditegur terang-terangan oleh Sultan dan Agong, bukanlah satu perkara yang membanggakan.

"Takiyuddin MP pertama ditegur terang-terangan oleh Yang di-Pertuan Agong Agong (kerana kelirukan Dewan) dan Sultan Selangor (kerana mempolitikkan keputusan Mahkamah).

"Bukanlah satu perkara yang patut dibanggakan," ciapnya di aplikasi X bagi mengulas sikap Takiyuddin itu.

Jadi, sebagai rakan dan bekas anak buah, saya berpandangan, elok benar rasanya Takiyuddin mengawal dirinya agar tidak terlanggar tembok buat ketiga kalinya.

Jangan sampai terpijak 'wayar hidup' sekali lagi dan bintang politik kita mungkin akan terjejas teruk kerananya.



Van pengangkutan awam baharu

SATU bentuk pengangkutan awam baharu bakal muncul di Lembah Klang tidak lama lagi. Hadirnya untuk memenuhi keperluan orang ramai, terutama di kawasan tidak terdapat perkhidmatan pengangkutan awam, atau frekuensi perkhidmatan tidak kerap.

Menurut khabar yang sampai ke telinga kawan-kawan Kedai Kopi, pengangkutan awam baharu ini dinamakan 'Van On-Demand' (VOD) atau 'Van Atas Permintaan'. Perkara itu diumumkan sendiri oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, baru-baru ini.

Kata Loke, inisiatif perkhidmatan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) itu dilaksana sebagai alternatif memperkasa kesalinghubungan atau 'inter-connection' pengangkutan awam di Lembah Klang. Justeru sistem pengangkutan awam disasar jadi lebih efektif.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucap tahniah kepada kerajaan yang mengambil langkah proaktif menambah baik pengangkutan awam demi memberi keselesaan kepada orang ramai yang banyak bergantung kepada perkhidmatan tersebut.

VOD dilihat sebagai pendekatan terbaik membantu mempelbagai pengangkutan awam, terutama di ibu kota Kuala Lumpur yang ketika ini banyak bergantung kepada bas, teksi, e-hailing, monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Rapid Transit Massa (MRT).

Belum ada perincian mengenai operasi VOD. Misalnya secara spesifik apa definisi van yang bakal digunakan. Ini kini kerana terdapat pelbagai saiz van dengan kapasiti berlainan. Atau adakah van akan disediakan sendiri oleh MOT dalam bentuk dan saiz seragam?

Selain itu bila perkhidmatan akan bermula, lokasi atau kawasan van beroperasi serta kadar tambang yang bakal dikenakan kepada penumpang juga belum diketahui. Tentu perkara ini sedang dikaji dengan teliti oleh kerajaan.

Namun menurut Loke, perkhidmatan VOD itu kelak akan memberi keutamaan kepada kawasan yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan bas awam. Memang sesuai tempat seperti ini diberi perhatian.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, konsep VOD adalah seperti e-hailing. Cuma kerana ini adalah perkhidmatan dikendalikan oleh MOT, operasinya serta tambang dikenakan dijangka tidak menyamai khidmat e-hailing. Mungkin juga lebih murah.

Perkhidmatan VOD tidak ada laluan khas, namun akan ditempatkan di kawasan strategik. Apabila perincian diumumkan nanti, mungkin boleh diketahui adakah van ditempatkan secara tetap, atau orang ramai perlu membuat tempahan seperti e-hailing.

Kawasan strategik bermaksud kawasan di mana keperluan ramai terhadap pengangkutan awam adalah tinggi, tetapi tiada atau terlalu jarang perkhidmatan bas awam di tempat berkenaan.

Memandangkan kawasan seperti itu diutamakan, perkhidmatan tersebut tersebut juga boleh bertindak sebagai van 'feeder' yang menyambungkan kepada rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam lain.

Pelaksanaan VOD merupakan inisiatif berteras Belanjawan 2024. Sebanyak RM50 juta diperuntuk untuk memperkasa perkhidmatan pengangkutan awam. Daripada jumlah itu, sebahagian daripadanya akan diguna untuk membeli van. Operasi VOD pula akan diseliasa oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).

Prasarana pula dicadang menjalin kerjasama dengan syarikat yang menawarkan khidmat 'Demand Responsive Transport' (DRT) atau Permintaan Pengangkutan Responsif bertujuan memperluas perkhidmatan VOD berkenaan.

Jalanan kerjasama boleh dilaksanakan memandangkan pada dasarnya VOD nanti dan DRT berperanan lebih kurang sama. Jika wujud kerjasama ini, sistem pengangkutan awam boleh menjadi lebih lancar, pengguna memperoleh manfaat terbaik.

VOD juga mengembalikan ingatan kepada era bas mini di ibu kota dari 1975 hingga 1998. Bas mini diperkenalkan sebagai pengangkutan awam tambahan selain bas dan teksi. Pelbagai jenis bas mini ada, dioperasikan oleh pelbagai syarikat atau konsortium.

Tidaklah kehadiran VOD menambah kesesakan lalu lintas di ibu kota? Tidak perlu membuat kesimpulan terburu-buru. Tonggi dahulu maklumat kaedah operasi, misalnya berapa banyak van akan dilesen dan di kawasan mana. Kelak diketahui sejauh mana ia mewarnai suasana lalu lintas.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi percaya MOT akan melakukan kajian teliti dan terperinci mengenai isu ini sebelum operasi bermula. Kita semua mahu tujuan yang baik benar-benar memberi manfaat kepada orang ramai. Semoga kelak operasi VOD berjalan lancar. Kita tunggu kehadirannya!

Merenuhng keindahan tanah air



KU SEMAN KU HUSSAIN

BEBERAPA lagu patriotik yang malar segar, sama ada dari Malaysia atau Indonesia menggunakan alam tanah air untuk membangkitkan rasa sayang dan bahagia terhadap negara. Dengan cara itu, tanpa rasa terdara atau terpaksa, rakyat akan menumpahkan sayang pada negaranya.

Dengan rasa yang sedemikian, rakyat pasti bangkit melindungi tanah airnya daripada dijajah atau dirompak oleh kuasa luar. Hal itu kerana sesuatu yang amat berharga akan dipertahankan tanpa dipaksa.

Lihat sahaja tingginya nilai patriotik dalam lagu Bengawan Solo ciptaan Pak Gesang yang hanya melukis keindahan sungai Solo. Sungai itu adalah sebuah kehidupan, dan itu jugalah Indonesia. Ia menusuk ke jiwa dan timbul rasa sayang kepada negara yang memberi bahagia.

Hal yang sama juga dengan lagu Malaysia Tanah Airku ciptaan Johar Bahar. Pengubah tersohor itu juga melukiskan keindahan tanah air yang tidak ada duanya. Hanya inilah satu-satunya tanah air kita yang bukan sahaja aman tetapi wajah alamnya sangat indah.

Tanah air kita ini memang indah, laut, pantai, sawah dan bukit bukau semuanya memberikan kenikmatan pada pandangan mata dan jiwa, sekali gus menumbuhkan rasa yang bahagia. Rasa yang terbit secara semula jadi itu juga mendalam rasa cintanya.

Perihal keindahan tanah air itu sengaja diangkat untuk membawa kita menoleh khazanah berharga yang dimiliki, akan tetapi kurang diberikan apresiasi yang selayaknya. Keindahan yang berharga itu seperti terbiar apabila ada sesetengah dalam kalangan rakyat tidak melihatnya dengan mata jiwa.



LAUT, pantai, sawah, gunung-ganang dan seni bina bangunan serta landskap yang unik menjadikan Malaysia antara destinasi pilihan pelancong luar.



Nenek moyang kita juga pernah berpesan, 'Hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri. Lebih baik negara sendiri.' Maksudnya sekiranya semua yang baik ada di negara orang, negara sendiri tetap di hati. Apatah lagi yang memberikan kita satu khazanah alam yang indah.

Media pula kerap melaporkan reaksi dalam kalangan pelancong luar tentang keindahan alam di negara kita. Kesimpulannya cantik dan indah. Tidak terdapat di tempat mereka terutama di luar geografi kepulauan Nusantara kerana iklim dan alam yang berbeza.

Bukan suatu yang luar biasa juga apabila ada pelancong mahu berlama-lama di negara ini untuk menikmati keindahan yang bagai tidak berhujung itu. Banyak dalam kalangan rakyat mengakui keindahan itu, akan tetapi tidak semua menikmati kerana hal itu bukan utama.

Bagi sebahagian besar warga kota, Kuala Lumpur adalah

padang yang luas tempat mencari rezeki. Apabila ada kelapangan dan keadaan mengizinkan, sesetengahnya memilih berada di luar lingkaran kota, ke tempat yang menjanjikan keindahan dan ketenangan.

Sekalipun begitu banyak yang masih belum terilham untuk mencari ruang masa yang sesuai bagi menikmati alam tanah air ini. Antaranya kekangan tugas dan sebab-sebab lain antaranya faktor kewangan oleh golongan yang kurang kemampuan.

Dari pesisir pantai barat yang mengunjur sepanjang perairan Selat Melaka dan menghadap Laut Andaman, kemudian di sepanjang petempatan yang menjalur di Pantai Timur menghadap Laut China Selatan adalah khazanah alam indah yang kita miliki.

Sekarang adalah musim cuti persekolahan. Tentunya ini masa terbaik untuk melancong sambil menikmati alam tanah air ini. Dengan adanya jalur lebuhraya yang terbaik, satu membelah 'jantung pisang' dari utara ke selatan. Satu lagi dari Kuala Lumpur hingga ke Pantai Timur tentunya memendekkan masa berbanding suatu waktu dulu.

EKSPRESI PATRIOTIK

LEBUH raya adalah ekosistem yang seharusnya merencanakan pelancongan domestik dalam kalangan warga tempatan. Tambahan pula dengan pertumbuhan kemudahan inap desa yang begitu banyak terutama di kawasan tumpuan pelancong.

Pelancongan domestik sebenarnya agak baharu dalam kalangan masyarakat kita sekalipun semua negeri telah menganjurkan tahun melawat negeri masing-masing. Melancong

masih lagi difahami pergi ke luar negara dan menikmati keindahan alam di sana.

Tentu ada yang setuju bahawa alam tanah air ini dianugerahkan keindahan yang tiada duanya. Menikmati alam tanah air bukan sahaja untuk mengisi ruang masa yang kosong, tetapi juga satu bentuk ekspresi patriotik pada negara.

Tidak berusaha mencari masa untuk bermesra dengan alam tanah air boleh menipiskan rasa bangga memiliki negara yang satu ini. Maka seharusnya dipertajamkan apresiasi patriotik dengan melawat ke segenap wilayah dan daerah.

Bilakah kali terakhir kita menikmati keindahan itu selain pulang menyambut hari raya atau menguruskan hal keluarga di kampung? Banyak promosi yang dibuat kepada pelancong luar untuk datang menikmati keindahan alam di negara ini.

Pada masa yang sama berapa banyak pula rakyat negara ini yang telah menikmati dan menghayati keindahan alam yang menjadi buah mulut orang luar?

Untuk menyemai rasa kasih pada negara, melancong atau lebih tepat lagi mengenali tanah air sendiri adalah kaedah yang boleh dilaksanakan. Tanpa rasa dipropagandakan untuk kelihatan patriotik, melancong dalam negara lebih santai untuk menyingkap keunikan, sejarah dan kecemerlangan negara.

Oleh hal yang demikian, melancong dalam konteks tempatan adalah satu proses menghayati dan memesrai alam di negara sendiri. Apabila terpesona dengan alam yang mesra dan cantik, tentunya akan tumbuh rasa kagum dan bangga menjadi rakyatnya.

Alam tanah air sebenarnya

memainkan peranan menentukan karakter masyarakat di sesebuah negara. Alam terlebih dahulu memberi gambaran minda terhadap sikap dan peribadi rakyatnya.

Melancong kelihatan agak asing malah dianggap satu budaya baharu dalam kalangan masyarakat tempatan. Matlamat pelancongan domestik sebenarnya melampaui usaha mengajak rakyat berkelah ke satu tempat dan menggunakan kemudahan penginapan untuk memberi nafas kepada sektor perhotelan.

Kalau hanya bertujuan menghidupkan sektor perhotelan, industri kraf atau pelbagai lagi faedah sampingan, pelancongan domestik tidak menjurus jauh ke dasar pengertian dan apresiasi rakyat pada negaranya.

Pelancongan domestik harus dilihat sebagai salah satu proses menyemai rasa patriotik terhadap negara. Sambil melancong mereka mempelajari sesuatu yang baharu tentang budaya yang berbeza-beza antara satu tempat dengan tempat yang lain.

Faktor alam yang memberi kesan secara menyeluruh terhadap cara hidup sesebuah masyarakat di sesuatu tempat. Semua itu tidak kelihatan daripada pandangan kasar kecuali mereka yang menghayati keindahan itu dari sudut patriotiknya.

Kita selalu berbangga apabila ada pelancong yang memuji keindahan negara ini. Tetapi malangnya tidak ada usaha yang lebih untuk mengajak rakyat mengenali dan merasai keindahan yang dinikmati oleh pelancong luar.

Kempen pelancongan domestik perlu lebih menjurus pada soal-soal yang boleh membentuk rakyat menjadi warga yang berbangga dengan negaranya. Matlamat utama pelancongan domestik bukan sekadar pulangan ekonomi, tetapi melahirkan warga yang cintakan negara.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. Te: 03-8861 5260 E-mail: editorialwilayahku@gmail.com**




MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

KUALA LUMPUR

SIFAR
HIV 2030

►► 10-11



Sesal tidak bernoktah

HAZIRAH HALIM
FOTO: SYUQQREE DAIN

POSITIF HIV bukan bermaksud pengakhiran dalam kehidupan. Mungkin mereka pernah tersilap dalam mengatur langkah namun mereka juga layak diberi peluang kedua untuk meneruskan kehidupan seperti manusia biasa.

Berjuang untuk mendapatkan peluang kedua serta sinar baharu dalam hidup semestinya sukar buat pesakit HIV terutama mereka yang pernah melalui detik hitam dalam kehidupan.

Ibarat burung melayang tanpa arah, kehidupan yang dahulu diterangi cahaya dan gembira bersama insan-insan tersayang berubah sekelip mata seolah-olah berakhirnya kehidupan.

Berkongsi kisah, **Wan** (bukan nama sebenar) berkata episod hitam dalam hidupnya bermula selepas kematian isteri tercinta lantas dia tidak mampu melapang dada menerima ketentuan tersebut.

"Kehidupan saya berubah, saya tertekan dan tidak boleh terima keadaan. Dunia seolah-olah menjadi gelap, jadi saya cari jalan penyelesaian dengan mengambil dadah.

"Saya rasa kehidupan saya ketika itu lebih tenang namun yang memilukan saya hilang jiwa, jadi seorang yang panas baran, tidak menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ayah serta hidup tidak tentu arah malah saya juga pernah menjadi gelandangan walaupun saya ada rumah.

"Sebelum saya meneruskan kehidupan dalam kancah dadah, saya hantar anak-anak ke rumah saudara kerana saya tidak berupaya dan berkemampuan untuk menjaga mereka. Ketika itu saya lebih fikir



WARTAWAN WILAYAHKU ketika sesi temubual bersama pesakit HIV.

tentang diri sendiri berbanding mereka," ujarnya yang berasal dari Pantai Timur.

Terjerat dengan kancah dadah selama beberapa tahun, Wan mengakui bahawa dia ingin mencari kepuasan dalam hidupnya apatah lagi tiada seorang pun yang pernah menghalangnya untuk melakukan apa-apa sejak kecil lagi.

Namun, dia bersyukur kerana Allah masih memberikan peluang kedua kepadanya untuk mencari sinar dalam kehidupan terutama apabila dia dihantar ke sebuah pusat pemulihan akhlak.

"Selepas ditahan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ketika sedang menghisap dadah di rumah bersama rakan, saya telah dimasukkan ke dalam bilik asing. Kemudian dihantar ke sini (Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik).

"Berada di sini, saya rasa tenang dan sebenarnya saya silap, dulu saya menganggap bahawa tak ada orang yang ambil berat dan menyayangi diri ini tapi sebaliknya ada," ujarnya

sebak.

Bak kata pepatah, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada guna, namun Wan percaya dirinya mampu berubah menjadi lebih baik dan bertekad untuk meneruskan kehidupan sama seperti manusia biasa.

"Kalau diberi kesempatan, saya takkan terfikir langsung untuk terlibat dalam penagihan dadah kerana ia akan membuat kita rasa menyesal yang tidak berkesudahan.

"Justeru itu, saya harap kepada mereka di luar sana yang sedang berjuang mendepani penyakit HIV termasuk stigma masyarakat ini agar sentiasa kuat, tidak lemah semangat, bangkit teruskan berjuang demi kehidupan," ujarnya.

TERKENA JARUM SUNTIKAN

BERBEZA pula dengan **Affi** (bukan nama sebenar), dia mengambil inisiatif datang ke pusat tersebut untuk mendapatkan rawatan susulan selepas dijangkiti

HIV akibat terkena jarum suntikan sewaktu bekerja di makmal.

"Selepas enam bulan saya mendapat carca air dan sakit mata, kemudian apabila menjalankan pemeriksaan, saya disahkan dijangkiti HIV dan mendapat rawatan susulan di Hospital Sungai Buloh.

"Namun, sebelum kejadian itu, sebenarnya saya sudah terlibat dalam dunia dadah jenis syabu sejak tahun 2012 tetapi tidaklah begitu kerap. Walau bagaimanapun, selepas terkena jarum suntikan itu, saya menjadi aktif dalam kancah dadah ini, boleh dikatakan setiap hari saya akan mengambil dadah.

"Disebabkan pengambilan dadah secara kerap, saya mengalami masalah psikologi di mana saya pernah cuba untuk membunuh diri terutama apabila disahkan dijangkiti HIV kerana tidak boleh menerimanya," katanya.

Affi berkata, dia juga turut menanggung derita apabila berhadapan dengan halusinasi sendiri di mana dia merasakan orang sekeliling tidak dapat menerima penagih dadah sepertinya.

"Meskipun begitu, Alhamdulillah ketika saya memberitahu keluarga, mereka boleh menerima dan mereka turut memberi sokongan untuk mendapatkan rawatan di sini.

"Saya rasa kehidupan di sini sangat tenang, bebas daripada dadah malah rasa ketagihan itu pun sudah tiada kerana di sini kami sentiasa sibukkan diri dengan aktiviti, jadi rasa itu pun sudah hilang," katanya.

Dalam pada itu, Affi sempat menitipkan nasihat kepada orang ramai untuk menghindari dadah terutamanya untuk mencari ketenangan kerana najis tersebut tidak pernah menjanjikan penyelesaian. 

INFO

- Majoriti individu yang menghidap atau hidup dengan HIV di Malaysia adalah lelaki, tetapi nisbahnya didapati semakin menurun.
- 70% jangkitan HIV pada tahun 2013 adalah orang Melayu.
- Setiap hari hampir 10 rakyat Malaysia didiagnosis positif HIV
- Lebih 77% kes yang baru dilaporkan di Malaysia pada tahun 2022 melibatkan mereka yang berusia 20 hingga 39 tahun.
- AIDS telah menyebabkan kematian lebih daripada 13,000 rakyat Malaysia.
- Jumlah penduduk Malaysia yang terpaksa hidup dengan jangkitan HIV sehingga tahun 2022 dilaporkan seramai 69,589 termasuk 3,177 kes baharu yang direkodkan pada tahun sama.
- 70 hingga 80 peratus kes jangkitan HIV adalah berpunca daripada perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah.
- Bagaimanapun sehingga Disember 2022 hampir 95% jangkitan kes HIV adalah berpunca daripada aktiviti seks berisiko iaitu homoseksual antara lelaki dengan lelaki dan heteroseksual, lelaki dengan wanita tetapi saling bertukar pasangan.
- Disember 2020, seramai 125,878 pesakit HIV/AIDS telah berdaftar di seluruh negara untuk mendapatkan penjagaan dan rawatan dengan pihaknya.



Laksana aktiviti kawalan

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil pelbagai langkah pencegahan serta kawalan HIV bagi mengakhiri AIDS menjelang 2030. Projek Cities Getting to Zero HIV adalah salah satu inisiatif yang dilancarkan di peringkat negara-negara ASEAN termasuk beberapa bandaraya di Malaysia.

Kuala Lumpur Menuju Sifar HIV merupakan projek di bawah KKM yang diterajui oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di mana ia adalah projek perkongsian pintar antara JKWPKL dan Putrajaya dengan agensi kerajaan lain.

Projek tersebut bertujuan untuk mengurangkan jangkitan baru HIV sebanyak 50 peratus dengan menambah baik dan meningkatkan pencegahan komprehensif kepada sasaran baharu dan sedia ada.

Inisiatif tersebut juga turut menyasarkan untuk mengurangkan impak HIV dan AIDS terhadap sosioekonomi dan kemanusiaan.

Terdapat tiga visi yang ditetapkan di dalam projek ini iaitu sifar jangkitan HIV baharu, sifar diskriminasiterhadap orang hidup dengan HIV dan sifar kematian berkaitan AIDS menjelang tahun 2030.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit HIV/STI/Hepatitis C, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, **Dr Raudah Abd Rahman** antara pendekatan lain yang dilaksanakan oleh KKM untuk mengurangkan kadar kes HIV khususnya di Kuala Lumpur adalah dengan pelaksanaan Program Pengurangan Kemudaratatan seperti Program Rawatan Gantian Methadone (MMT), Needle Syringe Exchange Program (NSEP) dan perkhidmatan Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP).

"Pada tahun 2005, KKM telah melaksanakan program pengurangan kemudaratatan di mana pada ketika itu, kami memfokuskan kepada pencegahan dan rawatan buat penagih dadah dengan cara memberi jarum suntikan bersih kepada mereka.

Oleh kerana pada ketika itu majoriti kes baru HIV adalah disebabkan perkongsian dadah jarum suntikan, Program Rawatan



KERJASAMA semua pihak diperlukan bantu kurangkan kadar kes HIV/AIDS.

Gantian Methadone (MMT) dan Needle Syringe Exchange Program (NSEP) dilaksanakan bagi mengurangkan risiko penularan HIV di kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan.

"Melalui Program MMT, KKM telah memberikan rawatan gantian Methadone iaitu sejenis ubat bagi mengurangkan kebergantungan terhadap heroin dan morfin di mana jika mereka mengambil ubat ini mengikut dos yang betul, Methadone akan bertindak mengawal ketagihan dan tanda-tanda pengunduran tanpa rasa gembira (euphoria), khayal atau rasa sakit (analgesia). Di Kuala Lumpur dan Putrajaya, perkhidmatan ini ditawarkan di 9 klinik kesihatan, beberapa klinik swasta dan Pusat Khidmat Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK).

"Selain itu, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya juga bekerjasama rapat dengan badan bukan kerajaan (NGO) di bawah payung Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia dalam pencegahan dan kawalan HIV terutama dalam meningkatkan saringan di kalangan populasi kunci (key population) yang terdedah dengan risiko jangkitan HIV. Pekerja Kesihatan Komuniti daripada NGO ini dilatih bagi menjalankan saringan di kalangan populasi kunci yang dikenalpasti dalam komuniti. Populasi kunci yang didapati positif

HIV akan dirujuk ke fasiliti kesihatan untuk rawatan HIV dan yang didapati negatif HIV akan dirujuk kepada pakej pencegahan HIV termasuk rujukan ke klinik Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP). Di Kuala Lumpur, klinik kesihatan yang menawarkan perkhidmatan pemberian PrEP adalah Klinik Kesihatan Kuala Lumpur dan Klinik Kesihatan Cheras.

Dalam pada itu, Dr Raudah berkata Jabatan Kesihatan WPKL dan Putrajaya banyak melaksanakan program kesedaran terutama golongan muda berumur 39 tahun ke bawah memandangkan data statistik menunjukkan hampir 80 peratus pesakit HIV/AIDS dalam kalangan mereka.

"Justeru itu, kita laksanakan program kesedaran ini bermula di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menerusi Program Sihat Tanpa AIDS (PROSTAR 2.0) selain turut memperkasakan rawatan HIV di klinik kesihatan dan hospital.

"Justeru itu, tahun 2024 ini menjadi permulaan yang baik untuk melaksanakan projek ini selepas terhenti seketika susulan wabak COVID-19. Saya harap semua pihak termasuk agensi terlibat berganding bahu mengurangkan kadar kes HIV/ AIDS khususnya di Kuala Lumpur agar setiap rancangan yang diatitkan berjalan lancar," ujarnya.



RISIKO HIV kekal sepanjang hayat di dalam tubuh badan pesakit.

Pembawa virus sepanjang hayat

HUMAN Immunodeficiency Virus atau HIV merupakan penyakit berisiko yang kekal sepanjang hayat di dalam tubuh badan seseorang yang menghidapnya. Sekali dijangkiti, tahap kesihatan akan merosot kerana ia akan menyerang sistem imunisasi tubuh sekali gus melemahkan keupayaan untuk melawan kembali jangkitan dan penyakit tersebut.

Walau bagaimanapun, pengetahuan tentang maksud, cara dan langkah mencegah penyebarannya adalah antara usaha yang sedang digerakkan oleh semua pihak termasuklah diperingkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memupuk kesedaran kepada masyarakat untuk menghindari daripada dijangkiti.

Ketua penolong Pengarah Kanan Unit HIV/STI Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, **Dr Raudah Abd Rahman** berkata HIV merupakan sejenis virus daripada kumpulan retrovirus yang boleh melemahkan sistem ketahanan badan dan keupayaan seseorang melawan jangkitan secara optimum.

Beliau berkata individu yang disahkan HIV positif akan digelar sebagai pembawa HIV di mana ia akan membawa virus tersebut sepanjang hayat.

"HIV juga adalah virus yang menyerang sel darah putih iaitu sel CD4 (Sel T) iaitu sistem yang membantu imun melawan sebarang jangkitan. Sekiranya bilangan sel CD4 di dalam badan berkurangan, individu itu lebih cenderung mendapat jangkitan yang teruk dan sesetengah jenis kanser jika tidak dirawat.

"Malah, jika tidak dirawat, sistem imunisasi pesakit HIV akan merosot sehingga ke peringkat akhir HIV iaitu Sindrom Kurang Daya Tahan Melawat Penyakit (AIDS)," jelasnya.

Ditanya mengenai faktor yang menyebabkan jangkitan HIV berlaku kepada seseorang, Dr Raudah menjelaskan HIV hanya boleh merebak melalui tiga cara iaitu perkongsian jarum dadah suntikan tercemar dengan virus HIV, hubungan seks berisiko dengan pasangan positif HIV atau tidak diketahui status HIV dan penyebaran HIV daripada ibu kepada anak sama ada ketika mengandung, melahirkan atau semasa menyusu.

"Namun, risiko untuk anak dijangkiti HIV daripada ibu adalah lebih tinggi sekiranya ibu telah disahkan positif HIV dan tidak menerima sebarang rawatan daripada mana-mana klinik kesihatan mahupun hospital.

"Bagaimanapun, banyak mitos yang mengatakan jangkitan HIV boleh merebak melalui air liur, sentuhan dan peluh namun ia tidak benar kerana HIV hanya boleh merebak melalui tiga cara tersebut," ujarnya.

Menurut Dr Raudah, terdapat perubahan dalam landskap faktor risiko penularan jangkitan HIV sama ada di Malaysia mahupun di dunia.

"Pada awal 1990-an, majoriti kes baru HIV di Malaysia disebabkan perkongsian jarum dadah suntikan. Namun kini, majoriti kes baru HIV adalah disebabkan hubungan seks yang berisiko.

"Pada tahun 2023, daripada 357 kes baru HIV yang dilaporkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, lebih 90 peratus adalah disebabkan hubungan seksual berisiko manakala hanya empat kes baru HIV disebabkan perkongsian jarum dadah suntikan. Perubahan landskap faktor risiko ini menyebabkan bilangan kes baru HIV mendatar sahaja iaitu tidak menunjukkan peningkatan atau penurunan yang ketara terutama sejak 10 tahun kebelakangan ini," katanya.



PELAKSANAAN aktiviti kawalan dalam mencegah HIV/AIDS antara fokus menuju Kuala Lumpur Sifar HIV Menjelang 2030.



Deruan adrenalin papan selaju

SYUQQREE DAIN
Video: **HASIF HALIMI**

AKTIVITI sukan ekstrem papan selaju sememangnya menjadi pilihan anak muda sejak dari dahulu lagi malah ia memiliki reputasi yang cukup hebat sehingga dipertandingkan dalam temasya Olimpik 2020 di Jepun.

Seiring masa berlalu biarpun anak muda kini gemar menghabiskan masa dengan permainan dalam talian namun aktiviti papan selaju tetap mempunyai peminat tersendiri.

Bagi penggemar aktiviti lasak, Bazly Muhammad Najib, 39, sukan papan selaju dan dirinya umpama irama dan lagu yang tidk dapat dipisahkan. Ia mampu membina keyakinan dalam diri sekali gus ia merupakan salah satu aspek penting dalam melakukan sesuatu gerakan ataupun *trick*.

"Sukan ini banyak membantu saya untuk lebih yakin dalam kehidupan kerana untuk mempelajari sesebuah gerakan baharu memang saya akan kerap terjatuh. Sama seperti kehidupan kita yang mempunyai jatuh dan bangun tetapi apabila saya bangkit kembali dan mahir, saya akan terus yakin untuk mencuba gerakan lain," katanya.

Dia yang mengabdikan diri selama 15 tahun dalam aktiviti ini cukup dikenali dalam kalangan peminat papan selaju. Dek kerana rasa cinta yang mendalam dalam sukan ini, Bazly bercita-cita untuk melihat anaknya mengharumkan nama Malaysia di temasya Olimpik suatu hari nanti. 



PUTRAJAYA Challenge Park dijadikan sebagai tempat untuk mengasah kemahiran oleh penggiat sukan ini.



SES/ regangan badan dilakukan sebelum memulakan sebarang aktiviti sukan.





ANTARA gerakan menarik yang mampu dilakukan Bazly.





RIDZWAN menunjukkan antara produk mereka sendiri seperti Didani, Danson dan banyak lagi.



PENGUNJUNG berpeluang membeli-belah coklat dengan harga kilang.

Fantasi dunia coklat

DIANA AMIR

Foto: **SYUQQREE DAIN**

PENGGEMAR coklat pastinya pernah menonton filem 'Charlie and The Chocolate Factory' dan untuk merasai keterujaan yang sama, orang ramai boleh mengunjungi Muzium Coklat pertama di Asia Tenggara yang terletak di Kota Damansara.

Jika sebelum ini kita pernah mendengar kehebatan Muzium Coklat di Cologne, Jerman, Hershey's Chocolate World di Pennsylvania, USA, Muzium Coklat di Barcelona, Spain dan sebagainya namun jangan terkejut di Malaysia juga tidak kurang hebatnya.

Muzium coklat yang cukup moden ini sangat menarik untuk dikunjungi dan magisnya ia bukan sahaja mampu memberi keterujaan kepada si cilik tetapi turut membawa golongan dewasa untuk mengimbau kembali zaman kegirangan mereka.

Baru-baru ini, penulis berpeluang menjejaskan kaki ke muzium tersebut dan tatkala melangkah masuk, penulis terliur dengan aroma coklat sekali gus berasa seolah-olah berada di dunia fantasi yang dihiasi coklat pada setiap sudut dan ruangan.

Pengurus Muzium Coklat, **Muhamad Ridzwan Md Ali** berkata sehingga kini Muzium Coklat telah menerima lebih daripada dua juta pelawat sejak dari awal penubuhannya.

"Muzium Coklat yang terletak di Kota Damansara, Petaling Jaya ini telah dibuka pada tahun 2013 dan dirasmikan pada 16 Januari 2014 oleh bekas Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Ia berkonsepkan 3E iaitu Pendidikan (*Education*), Pengalaman (*Experience*) dan Keronokan Membeli-Belah (*Enjoyable Shopping*) menyediakan pelbagai paparan menarik yang interaktif dan menyeronokkan untuk memberi pengalaman serta pembelajaran terbaik untuk semua peringkat umur

tentang koko dan coklat," katanya pembinaan muzium ini telah menelan belanja lebih RM3 juta.

Muhamad Ridzwan berkata ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Muzium Coklat 1.0 dan Muzium Coklat 2.0.

"Untuk Muzium 1.0, yuran masuk adalah percuma manakala untuk masuk ke Muzium Coklat 2.0 caj bayaran yang dikenakan serendah RM5 pada harga promosi di mana pengunjung dapat menikmati atau menyusuri pengalaman penuh ketika sesi lawatan," ujarnya lokasi tersebut berkeluasan 1,255 meter per segi.

REPLIKA POKOK KOKO

BERKONGSI mengenai tarikan yang ditawarkan, beliau berkata Muzium Coklat menawarkan pelbagai pameran antaranya adalah galeri yang mempamerkan replika pokok koko sebenar, kilang memproses coklat, koleksi arca dan ukiran coklat.

"Selain itu, kita juga mempunyai replika model kapal yang berkaitan sejarah teknologi pengangkutan awal biji koko serta ukiran Menara Berkembar Petronas (KLCC) setinggi 11 kaki yang diperbuat menggunakan 525 kilogram coklat.

"Tidak ketinggalan, diorama atau miniatur model kereta api sepanjang sembilan meter dengan pemandangan pergunungan Switzerland terbesar di Malaysia, *crazy mirror*, potret kolaj menggunakan coklat M&M's dan koleksi pameran cow parade yang asli," katanya.

Tambahnya, Muzium Coklat turut mendapat kerjasama daripada jenama coklat terkenal antarabangsa seperti Kit Kat Nestle, Cadbury, Hershey's, Lindt, M&M's, Neuhaus, Loacker, Toblerone dan Ferrero. Tidak terkecuali daripada jenama coklat di bawah Syarikat DR Group Holdings sendiri iaitu FIDANI, DANSON, Millton dan juga Farell's.

Lebih menarik, setiap pengunjung yang hadir akan disajikan dengan manisan coklat



REPLIKA pokok koko turut dipamerkan buat tontonan pengunjung.

segar dan berkualiti dari dapur coklat.

"Peluang ini akan diberikan kepada semua pengunjung setelah selesai melihat demonstrasi pembuatan coklat yang diadakan di Muzium Coklat ini setiap hari pada waktu yang ditetapkan.

"Manakala bagi pengunjung yang inginkan pengalaman untuk penghasilan coklat sendiri, kita juga menyediakan kemudahan Chocolate Labs yang dilengkapi dengan kemudahan terkini serta lokasinya terletak dalam bangunan sama dengan Muzium Coklat," ujarnya tempat tersebut dibangunkan oleh Syarikat DR Group Holdings Sdn Bhd sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk memberi pulangan balik kepada masyarakat dengan menawarkan pembelajaran dan pengetahuan yang memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai sejarah serta pembuatan coklat.

Tambah beliau, bagi pelawat domestik dan antarabangsa, Muzium Coklat ini merupakan lokasi wajib singgah apabila mereka telah sampai ke Kuala Lumpur atau Selangor. Lokasinya yang tidak jauh dari lebuh raya The New

Klang Valley Expressway (NKVE) atau The Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) telah menjadikan lokasi Muzium Coklat sebagai lokasi tumpuan membeli-belah coklat di Lembah Klang.

"Oleh itu, bagi pengunjung yang melawat muzium ini, jangan lepaskan peluang untuk membeli-belah coklat pada harga kilang untuk dibawa pulang," katanya. 



2, Jalan Teknologi 3/5, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

10 pagi hingga 5 petang

017-910 4439 atau 03-7490 4260

www.chocolatemuseum.my

Karnival MAIWP 2024

50 tahun memacu kegemilangan

HAZIRAH HALIM
FOTO: YUSNI ARIFFIN

TANGGAL 1 Februari 2024 merupakan tarikh bermakna buat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) meraikan keutuhan dan kegemilangannya selama 50 tahun sebagai sebuah badan berkanun di Malaysia yang bertanggungjawab dalam menggerakkan usaha kebajikan bagi membantu golongan memerlukan khususnya di Wilayah Persekutuan.

MAIWP merupakan agensi kerajaan yang menggerak dan menguruskan kutipan dan agihan zakat dalam kalangan masyarakat Islam Wilayah Persekutuan malah agensi ini juga turut bertanggungjawab sebagai pihak yang melaksanakan pembangunan modal insan serta pembangunan harta-harta MAIWP.

Keutuhannya selama 50 tahun ini juga menunjukkan bukti bahawa masyarakat bertambah yakin dan percaya dengan tugas serta tanggungjawab yang dilaksanakan.

Buktinya, pada tahun 2023, MAIWP berjaya mengutip zakat melepasi RM1 bilion iaitu sebanyak RM1.03 bilion (RM1,035,833,412.22) malah pada tahun yang sama juga, MAIWP juga berjaya mengagihkan sebanyak RM952.27 juta (RM952,272,327) atau 93 peratus daripada kutipan zakat tahun semasa.

Perkara itu dikongsikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** ketika berucap pada Majlis Perasmian Karnival MAIWP 2024 di Taman Tasik Titivangsa, baru-baru ini.

Dalam merekodkan kecemerlangan berterusan, beliau juga berkata MAIWP telah menjalankan beberapa program khusus kepada golongan asnaf antaranya Program Bantuan Pembekalan Barangan Keperluan Asasi atau dikenali sebagai MAIWP Kasih Asnaf Zero Hunger di mana ia memanfaatkan seramai 30,200 penerima dengan perbelanjaan sebanyak RM108.7 juta (RM108,702,00).

"Selain itu, bermula Januari sehingga Disember tahun ini, MAIWP juga akan membantu seramai 60,000 mahasiswa di



PERDANA menteri Datuk seri anwar ibrahim menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

beberapa universiti sekitar Kuala Lumpur dengan perbelanjaan sebanyak RM3 juta sebulan menerusi Program Gerobok Rezeki Komuniti 'U' MAIWP dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO).

"Antara universiti yang terlibat adalah Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL), Universiti Kebangsaan Malaysia Cawangan Kuala Lumpur (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)," jelas beliau.

Sejajar dengan hasrat kerajaan dalam mengurangkan jurang kemiskinan, MAIWP juga telah menggerakkan beberapa usaha dalam menyantuni golongan yang memerlukan menerusi Program Bantuan Pakaian dan Peralatan Sekolah, Agihan Zakat Tanpa Tunai (cashless) kepada golongan asnaf pada setiap bulan menerusi e-wallet serta Bantuan Kewangan Bulanan sebanyak RM500 hingga RM1,000 sebulan.

Secara amnya, beliau juga turut menyatakan bahawa MAIWP sentiasa berusaha dengan penuh tekad untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim untuk menoktahkan kemiskinan khususnya di Wilayah Persekutuan.

"Natijahnya, sebagai sebuah agensi kerajaan, MAIWP akan terus bertekad untuk membela dan menyantuni para asnaf sekali gus gigih menganjurkan aktiviti dan program pengupayaan asnaf demi memenuhi keperluan umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan," katanya.

Terdahulu, sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan MAIWP, Karnival MAIWP 2024 telah diadakan selama satu hari pada 18 Februari bertempat di Taman Tasik Titivangsa dengan membawa tema 50 Tahun Memacu Kegemilangan.

Pada karnival tersebut, sebanyak 100 reruai disediakan dengan menggabungkan pameran jualan usahawan asnaf, perkhidmatan dan institusi pendidikan serta kesihatan di bawah MAIWP, Fun Run Karnival MAIWP, Jualan Rahmah Madani dan pelbagai lagi.

Malah, pada malam kemuncak karnival ini, MAIWP turut mengadakan Malam Kesenian Islam dengan menampilkan persembahan selebriti jemputan iaitu Kumpulan Raihan, INTEAM, Ezad Lazim

serta selawat Nuril Mubim sebagai penutup karnival.

PACU KEJAYAAN

KEUTUHAN MAIWP selama 50 tahun adalah sebahagian daripada bukti sokongan dan bantuan yang diberikan oleh seluruh kakitangan yang turut menabur bakti berkhidmat dalam memacu kegemilangan.

Berkongsi perasaan bangga dengan kejayaan tersebut, Ketua Unit Strata Bahagian Pembangunan Modal Insan MAIWP, Umie Zaitun Junoh meluahkan rasa gembira apabila berpeluang menjadi sebahagian daripada keluarga MAIWP selama hampir 14 tahun.

"Perjalanan karier saya di MAIWP bermula pada tahun 2009, pada ketika itu saya ditempatkan di bahagian baitulmal, kemudian ditukarkan ke bahagian pembangunan modal insan sebagai Ketua Unit Strata.

"Sejujurnya, saya sangat seronok apabila bersama dengan MAIWP kerana dapat memberi kehidupan yang lebih baik kepada ummah atau manusia malah memudahkan perjalanan kehidupan ke arah yang lebih bermakna.

"50 Tahun MAIWP berkembang memacu kegemilangan ummah, pelbagai usaha digerakkan untuk membantu warga Wilayah Persekutuan. Apabila saya berada di MAIWP dan melihat sendiri usaha hari demi hari sehingga berjaya mencapai kejayaan, saya sangat berbangga," katanya yang mendoakan MAIWP akan sentiasa cemerlang dan gemilang menuju apa jua yang telah dirancang.

Sementara itu, Tenaga Pengajar Seni Reka Grafik di Institut Kemahiran Baitulmal Kuala Lumpur, Rozila Omar berkata organisasi itu sentiasa menjaga kebajikan pekerja sekali gus menerbitkan rasa cintanya terhadap MAIWP sehingga mendorong dirinya untuk terus berkhidmat dengan MAIWP hampir 31 tahun.

"Alhamdulillah, tahun ini merupakan tahun ke-31 saya berkhidmat di Institut Kemahiran Baitulmal ini dan bersama MAIWP.

Bekerja dengan MAIWP adalah pengalaman yang bermakna bukan sahaja kerana suasana persekitarannya malah MAIWP sentiasa menjaga kebajikan pekerja tidak kira dalam aspek kebajikan, kesihatan dan lain-lain.

"Sebagai seorang pekerja, sudah tentu saya berasa bangga melihat kejayaan MAIWP yang kini telah menuju kecermelangan. Seiring dengan kejayaan ini, *Insyah-Allah*, saya juga sebagai seorang tenaga pengajar akan terus memberikan khidmat terbaik dalam membantu pelajar-pelajar mencapai kecemerlangan dalam bidang yang mereka ceburi," katanya.

Berkongsi perasaan yang sama, Setiausaha Pengurus Besar Operasi Luar PPZ MAIWP, Siti Farah Rasyidah Ibrahim berjanji akan memberikan perkhidmatan terbaik terutama dalam membantu PPZ MAIWP mencapai sasarannya.

"Alhamdulillah, di peringkat PPZ MAIWP kami mencapai rekod yang cukup memberangsangkan pada tahun lalu di mana lebih 1 bilion kutipan zakat dapat diperoleh. *Insyah-Allah* tahun ini kita juga ingin mencapai sasaran dan kami berharap ia dapat dilaksanakan supaya PPZ MAIWP dan MAIWP dapat terus mencapai kecemerlangan di masa hadapan," katanya. **15**



SEKITAR suasana pada karnival maiwp 2024 di taman tasik titivangsa baru-baru ini.

Penyakit unik cetus inspirasi perniagaan spa

AINI MAWAWI

SEMUA wanita ingin kelihatan cantik sehingga berhabis duit melakukan perawatan kecantikan untuk kelihatan anggun, namun berapa ramai pula yang sanggup membelanja untuk menjaga kesihatan?

Jika diri tidak dirawat dengan sebaiknya maka kecantikan pun tidak memberi makna kepada sesiapa sahaja lebih-lebih lagi bagi mereka yang sudah pun bergelar isteri dan ibu.

Menyedari perkara tersebut, pemilik Bondahavent Spa, **Dr Tengku 'Atiqah Tengku Mahmood** mengambil peluang membantu wanita berdepan masalah unik yang hanya difahami oleh mereka yang sudah melaluinya sahaja.

"Saya mempunyai dua orang anak dan sering menghadapi masalah penyusuan. Ketika itu, saya tak tahu nak tanya siapa, walaupun saya seorang doktor namun diri sendiri pun tidak mampu menyelesaikannya.

"Dari situ saya terfikir untuk membuka sebuah pusat untuk golongan ibu yang menghadapi masalah seperti ini. Pada permulaannya fokus kita kepada penyusuan dan saya sendiri mengambil kursus menjadi penasihat penyusuan,"

ujarnya yang membuka spa di Bangi enam tahun lalu.

Mempunyai pakar fisioterapi terlatih yang terdiri daripada wanita, Tengku 'Atiqah berkata sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan Bondahavent Spa telah membantu ribuan wanita di luar sana untuk mengembalikan keceriaan dalam hidup.

"*Alhamdulillah* saya bersyukur dapat berbakti kepada masyarakat, sekurang-kurangnya menyelesaikan kekusaran mereka. Walaupun nampak kecil tetapi percayalah bila rasa tidak selesa menghantui diri, ia mampu menimbulkan tekanan tanpa disedari," ujarnya.

Bercerita lanjut, wanita berusia 37 tahun ini mengakui perjalanannya dalam bidang perniagaan spa tidaklah semudah yang disangka. Malah, dia pernah berdepan situasi getir ketika negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan COVID-19.

"Ketika itu spa terpaksa ditutup kerana ia dikategorikan di bawah pusat hiburan. Saya hampir berputus asa tetapi apabila ramai pelanggan yang mengadu tak ada orang nak tolong mereka waktu sakit, saya jadi lebih kuat dan bersemangat.

"Saya sedar waktu itu, bukan saya seorang yang menderita bahkan pelanggan

juga turut sama berduka," ujarnya yang kini telah pun mendaftarkan spa miliknya sebagai pusat fisioterapi.

Seiring masa berlalu, Bondahavent Spa semakin kukuh dan berjaya merangkul pelbagai anugerah antaranya APSCW Best Wellness Menu 2023, Lux Parent & Baby Awards Best Lactation Consultancy 2023 sekali gus membuktikannya mampu bersaing.

"Bagi meluaskan lagi perniagaan, sebuah cawangan dibuka tiga bulan lalu di Ampang. Di sana kami mempunyai mesin teknologi baharu untuk masalah postpartum di mana para ibu selepas bersalin mengalami regangan otot perut. Selain itu, mesin tersebut juga merawat masalah terkucil yang dihadapi.

"Besar harapan saya agar wanita di luar sana menggunakan kesempatan yang ada untuk merawat diri kerana ia boleh berlarutan jika tidak dirawat. Semua perlu sedar tanpa kesihatan, tiada ertinya kecantikan yang dimiliki," ujarnya Bondahavent Spa mendapat penarafan empat bintang oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Bagi pembaca *Wilayahku*, anda layak untuk menerima diskaun rawatan di mana-mana cawangan Bondahavent Spa dengan menggunakan kod '*Wilayahku*.'



Menu sarapan kayangan harga mampu milik



SALIM (tengah) berkebolehan memasak pelbagai jenis makanan.

HAMPIR setiap pagi, terutama pada hujung minggu, deretan motosikal termasuk yang berkuasa tinggi memenuhi ruang letak kenderaan di depan sebuah kafe ala warung di Jalan Paip, Meru.

Menawarkan kelainan, kafe yang

dioperasikan oleh bekas jurumasak peribadi kerabat diraja Arab Saudi Almarhum Putera Turki bin Abdul Aziz itu menghidangkan menu ala Barat selain makanan tempatan termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Pasti mahal, mungkin itu

tanggapan ramai. Namun jauh panggang dari api, kerana untuk menikmati set hidangan seperti *Classic Breakfast* yang merangkumi telur, kentang panggang, sosej bakar, tomato panggang, salad, daging lembu, kacang panggang dan roti bakar, pelanggan hanya perlu membayar RM18.

"Di sini kita menyajikan set makanan mewah ala Barat namun pada harga rendah. Hanya dengan kira-kira RM100, pelanggan boleh menikmati pelbagai jenis makanan bersama ahli keluarga," kata pemilik kafe **Salim Bahari**.

Mengangkat konsep santai dengan mengetengahkan tema *hipster*, kafe itu dihiasi pelbagai model motosikal Harley-Davidson mini dan bahagian kereta Volkswagen Beetle berwarna kuning. Dinding pula sarat dengan pelekat persatuan motosikal berkuasa tinggi dan kereta.

Bercerita lanjut, Salim, 64, berkata walaupun 50 peratus lebih murah berbanding harga di restoran mewah dan hotel, kualiti makanan yang dihidangkan beliau

adalah setanding.

"Saya dapat tawarkan harga yang kompetitif dengan kualiti setanding hidangan hotel kerana saya dapatkan bahan mentah terus daripada pembekal di sekitar Klang, sekali gus mengurangkan kos.

"Atas sebab itu jugalah saya dapat pilih sendiri bahan mentah, dan sudah tentu saya pilih yang terbaik untuk dihidangkan kepada pelanggan," katanya yang mempunyai pengalaman kira-kira 40 tahun sebagai cef termasuk di hotel terkenal di seluruh negara.

Selain itu, Salim yang berkebolehan memasak pelbagai jenis makanan, melatih sendiri kesemua 12 orang jurumasak di kafenyanya.

"Masing-masing dilatih dengan kemahiran tertentu. Contohnya, seorang cef pakar memasak telur dadar, manakala yang lain pula pakar menyediakan roti bakar dan memasak spaghetti.

"Melalui kaedah ini, kita boleh memaksimumkan kecekapan penyediaan makanan kerana semua cef ada tugas masing-masing. Makanan siap dengan cepat, pelanggan puas hati sebab sedap

dan dapat makan dengan segera, seterusnya semua orang gembira," katanya.

Beliau membuka kafe itu pada Ogos 2022 dan mengaku pada peringkat awal agak bimbang tidak mendapat sambutan kerana menu sarapan ala Barat jarang diketengahkan oleh pengusaha kafe tempatan.

"Tapi *Alhamdulillah*, kuasa tular media sosial membuatkan kafe saya menjadi tumpuan pelanggan yang datang dari segenap pelosok negara dengan ada yang berkonvoi motosikal," ujar beliau.

Menurut beliau, pada hari biasa, lazimnya kafe beliau menerima secara purata 400 pelanggan dan meningkat kepada 700 orang pada hujung minggu.

Mengimbas kembali sejarah pembabitannya dalam bidang kulinari, Salim berkata selepas menamatkan pengajian peringkat sijil dalam bidang pengurusan perkhidmatan makanan di Institut Teknologi Mara (kini Universiti Teknologi Mara) pada 1980, beliau bekerja sebagai pembantu dapur di Hotel Hyatt Regency Kuantan, Pahang. - **BERNAMA**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



PREPKOM PPR Sungai Bonus

Fokus aktiviti berterbas pendidikan

HAZIRAH HALIM

INISIATIF Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menubuhkan Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) di 10 lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Kuala Lumpur menjadi wadah keilmuan yang memberi satu kemudahan serta manfaat kepada komuniti setempat.

Pelbagai aktiviti berteraskan aspek pendidikan dilaksanakan di PREPKOM antaranya kelas tuisyen, kelas mengaji dan kelas bacaan.

Penyelia PREPKOM PPR Sungai Bonus, **Nur Nadia Mansor** berkata program-program berteraskan pendidikan telah sekian lama diadakan di PREPKOM di mana ia memberi peluang khususnya golongan pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) mendapatkan pembelajaran melalui kelas-kelas yang disediakan.

“Semua sedia maklum, kewujudan PREPKOM di setiap PPR untuk membantu komuniti setempat mendapat akses tambahan di samping melaksanakan pelbagai aktiviti berkumpulan.

“Meskipun ruang ini kecil



KELAS tuisyen dan bacaan antara aktiviti yang dilaksanakan PREPKOM PPR Sungai Bonus.

tetapi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti kelas mengaji, kelas bacaan dan sebagainya sekurang-kurangnya mereka dapat memenuhi masa terluang dengan aktiviti berfaedah,” katanya.

Tambahnya sempena cuti sekolah ini, PREPKOM PPR Sungai Bonus memfokuskan

kepada aktiviti bacaan khusus buat pelajar sekolah rendah bagi membantu dari segi kelancaran dan penguasaan bahasa.

“Selain itu, baru-baru ini juga kami telah menganjurkan program berselawat bersama pihak luar. Kita dapat lihat hampir 50 anak-anak di sekitar PPR ini hadir

menyertai program tersebut.

“Secara amnya, budaya ilmu yang diwujudkan di ruangan PREPKOM ini sememangnya memberi kesan yang baik bukan sahaja kepada anak-anak malah ibu bapa juga,” katanya.

Katanya lagi, sempena cuti sekolah ini juga, mereka turut

mengadakan program infaq makanan. Sebanyak 50 bungkus makanan diagihkan kepada penduduk sekitar pada setiap hari Jumaat dan ia masih diteruskan.

Dalam pada itu, Nadia berharap agar penubuhan PREPKOM khususnya di PPR Sungai Bonus akan dimanfaatkan oleh penduduk serta segala aktiviti yang telah dirancang pada tahun ini dapat dilaksanakan. 

Lebih 15 peratus belanja awal raya

DIANA AMIR

LEBIH 51 peratus (%) responden yang juga pengguna akan membuat pembelian awal sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini memandangkan terdapat pertembungan yang didahului dengan pembukaan penggal baharu persekolahan 2024.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Modachi Sdn Bhd, Faizal Zakaria, walaupun responden menyatakan mula berbelanja awal namun sebanyak 70.6% responden menyatakan mereka akan mengikut kemampuan masing-masing dan ‘apa yang ada’ sahaja.

“Bagi sebahagian lagi, responden menyatakan sumber perbelanjaan mereka akan banyak ditentukan oleh jumlah simpanan yang dibuat secara berkala manakala 25.6% mahu menggunakan ‘bonus dan dividen’,” katanya.

Faizal berkata pengguna dijangka akan membeli-belah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dalam penuh kesederhanaan dengan faktor harga menjadi pendorong utama untuk mereka berbelanja.

“92% responden memberi keutamaan terhadap harga sebelum melihat kepada kualiti (80%) manakala 74% lagi mencari promosi harga murah sebagai pendorong utama berbelanja.

“Ada pengguna akan melihat kepada produk berjenama terkenal (46%) namun ia menjadi faktor keempat dalam membuat keputusan berbanding godaan promosi jualan murah. Hanya 22.6% menjelaskan mereka setia terhadap



ORANG ramai mula berbelanja sempena Hari Raya Aidilfitri.

jenama pilihan yang telah mereka gunakan sebelum ini.

“Peratusan tinggi terhadap keutamaan harga ini menyaksikan orang ramai akan kembali membeli-belah secara dalam talian (62.5%) berbanding 37.5% mengakui selesa untuk berurusan dengan kedai fizikal,” jelasnya hampir sepertiga responden (28.6%) menyatakan mereka akan berbelanja bawah RM1,000 untuk sambutan hari raya sebelum ini manakala hampir suku (24%) akan berbelanja bawah RM5,000.

Jelas Faizal, kaji selidik secara rawak mudah dalam talian melibatkan 359 itu mendapati hanya separuh mahu berbelanja secara dalam talian kerana berpendapat harga yang ditawarkan

lebih murah (40.2%) berbanding kedai fizikal.

“Analisis mendalam bagaimanapun mendapati, kelompok ini terdiri dalam kalangan pengguna dengan umur 30 hingga 40 tahun terutamanya wanita. Sebanyak 67.9% responden menyatakan mereka akan membeli pakaian secara dalam talian.

“Hampir dua pertiga (60.4%) menyatakan mereka lebih selesa membuat pembayaran untuk pembelian dalam talian menggunakan kaedah pemindahan bank berbanding kad kredit atau kad debit (48.2%),” ujarnya majoriti (77.3%) menyatakan keadaan semasa akan banyak mempengaruhi minat mereka untuk berbelanja,” ujarnya. 



Pementasan teater Wilayahku hari ini

WARGA Wilayah Persekutuan dijemput hadir menyaksikan pementasan Teater Wilayahku, 1 Semangat, 1 Matlamat yang akan berlangsung di Panggung Bandaraya Jalan Raja, Kuala Lumpur.

Pementasan teater arahan Leysha Al-Yahya ini akan dipentaskan selama tiga hari bermula 23 Februari sehingga 25 Februari pada pukul 8.30 malam.

Menariknya, teater ini menampilkan barisan artis dan pelakon teater terkenal seperti Shahrul Kamal, Josiah Hogan, Leaisme, Evertt Comes, Hana Nadira dan artis budaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam satu hantaran di Facebook DBKL memaklumkan, pementasan teater ini diadakan secara langsung bersempena Sambutan Jubli Emas ke-50 tahun Wilayah Persekutuan.

“Masuk adalah percuma. Warga kota dan peminat teater boleh mendapatkan pas masuk dengan mengimbas kod QR yang tertera di poster pementasan teater tersebut,” ujar DBKL. 



Karnival Kesalinghubungan dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang 2,000 pengunjung teroka bisnes digital

LEBIH 2,000 warga Pulau Pinang membanjiri Karnival Kesalinghubungan dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang yang diadakan di Politeknik Seberang Perai pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Karnival yang berlangsung selama dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertujuan untuk memperkasa kesalinghubungan dan mencipta peluang penjaan pendapatan untuk usahawan tempatan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi melalui platform dalam talian.

Karnival anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dilaksanakan bagi menghebahkan inisiatif inisiatif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri khususnya berkenaan dengan latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diberi penekanan disamping latihan keusahawanan dalam talian secara percuma di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) bagi membantu golongan rentan keluar dari kepompong

kemiskinan.

Menurusi karnival tersebut ia merupakan cerminan keseriusan kerajaan untuk mencipta peluang penjaan pendapatan khususnya buat golongan belia, yang seterusnya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka menerusi bidang keusahawanan.

Perdana Menteri yang turut mengumumkan untuk menambah kira-kira 186 PEDi di seluruh negara secara berperingkat dalam tempoh dua tahun berharap agar institusi itu dapat berfungsi sebagai pusat sehenti penggunaan jalur lebar bagi kawasan kurang mendapat perhatian.

Ia juga merupakan ikhtiar kerajaan untuk mendepani masalah kesenjangan digital serta pendapatan menerusi program transformasi digital yang merupakan agenda penting dalam usaha menterjemah wawasan kerangka Ekonomi MADANI.

Menerusi PEDi, tahap penguasaan ilmu dalam bidang baharu digarap dan dikuasai agar masyarakat tidak ketinggalan dalam arus perubahan yang kini menjadikan digital sebagai 'gerbang' kepada kejayaan.

Antara komponen penting program tersebut adalah sesi perkongsian bersama pakar-pakar yang terlatih yang menyasarkan penyertaan daripada kalangan pelajar politeknik, kolej komuniti, institut latihan lain dan tahfiz dari kawasan sekitar.

Sesi perkongsian tersebut telah disusun bagi memberi pendedahan dan fokus berkaitan asas keusahawanan dalam talian. MCMC amat komited dalam membantu usahawan untuk meneroka peluang perniagaan dalam talian yang kian menjadi keutamaan dalam ekonomi digital yang berkembang pesat menerusi Program Pemeraksanaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK).

Sebanyak 30 reruai disediakan sepanjang karnival berlangsung dan MCMC telah membawa beberapa rakan strategik di bawah PUPUK seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd untuk turut serta membantu usahawan dan bakal usahawan.

Turut dijemput adalah Perbadanan Tabung Usahawan

Nasional (TEKUN) dan TikTok Shop untuk menyertai reruai bagi memberi maklumat kepada para pengunjung tentang peluang dan platform perniagaan yang ditawarkan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi MCMC, **Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus** berkata bengkel yang dianjurkan bertujuan memperkasa kesalinghubungan dan mencipta peluang penjaan pendapatan untuk usahawan tempatan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi melalui platform dalam talian.

"Bengkel pada hari ini didasarkan kepada pelajar Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Tahfiz, namun saya difahamkan terdapat juga penyertaan daripada Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, serta Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM)," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan Bengkel Pengukuhan dan Kesalinghubungan Usahawan Pulau Pinang pada hari kedua karnival berkenaan.

Ujar Mohd Ali Hanafiah, Kerajaan MADANI telah

meletakkan aspirasi untuk memastikan keseimbangan sosioekonomi dengan memberi pendedahan kepada komuniti setempat berkenaan kemahiran digital tanpa mengira kedudukan sosial mahupun geografi.

"Aspirasi ini mampu dicapai dengan peningkatan pendapatan rakyat sekali gus menyumbang ke arah usaha kerajaan dalam menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, usahawan yang telah dibimbing oleh PEDi ramai telah menjalankan perniagaan berasaskan kemahiran TVET, antaranya adalah penghasilan produk bakeri, reka bentuk grafik, pertukangan, hospitaliti, fesyen, dan sebagainya.

"Sebagai contoh, usahawan PEDi yang turut membuka jualan pada karnival hari ini adalah Puan Rosmaria dari PEDi Taman Prestij 11 dengan produk kraftangan seperti keychain dan juga Puan Siti Noorhidayah dari PEDi Taman Gelugor Indah bersama produk jahitan beliau iaitu set tilam bayi," katanya. 



KARNIVAL ini menjadi pemangkin dalam meningkatkan literasi digital dan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Pulau Pinang.

Perluas skop serta kegiatan komuniti

Tambah 186 PEDi dalam tempoh 2 tahun

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN Persekutuan komited menambah 186 buah Pusat Ekonomi Digital (PEDi) bagi meningkatkan lagi tahap literasi digital dan membantu komuniti setempat menjana pendapatan.

Sebagai sebuah pusat sehati yang menyediakan khidmat latihan perniagaan dalam talian (online), PEDi turut berperanan sebagai pusat kemajuan dan kecemerlangan untuk semua golongan tanpa mengira status sosial dan geografi.

Menerusi 911 buah PEDi di seluruh negara, ia boleh dianggap sebagai pusat pembangunan ekonomi setempat termasuklah menjadi gerbang kepada transformasi digital yang kini menjadi nadi dalam pertumbuhan negara.

Menurut Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**, menerusi situasi negara yang mulai stabil, keadaan ini telah memungkinkan pemusatan perhatian sepenuhnya kearah pembangunan ekonomi dan transformasi digital.

"Di antara langkah yang saya lihat hari ini termasuklah memperluaskan soal digital yang perlu ditangani dengan baik bagi mengelakkan berlaku kesenjangan di antara golongan terdidik dengan masyarakat desa.

"Oleh kerana ini teknologi baharu dan jika tidak ditangani ia memerlukan kos tambahan dan kecanggihan yang perlu ditanggung oleh kerajaan," katanya ketika berucap dalam

Majlis Perasmian Karnival Pengukuhan Kesalinghubungan dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Datuk Mohamad Fauzi Md Isa dan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

Ujar Perdana Menteri, kerajaan termasuk MCMC tidak mahu kalangan bumiputera ketinggalan dalam arus digital negara sekali gus telah merangka pelbagai program demi meningkatkan literasi digital kepada komuniti setempat.

"Jika anak-anak hendak belajar dengan ibu bapa soal transformasi digital, ini agak sukar melainkan ibu bapa yang terdidik di kota dengan kemudahan yang ada.

"Maka Majlis Pembangunan Bumiputera perlu bersama MCMC dan memberikan perhatian khas seperti memanfaatkan PEDi di seluruh negara," katanya.

Menurut Perdana Menteri, literasi digital ini adalah program yang sengaja diperluaskan melalui PEDi dan pertambahan 186 lagi PEDi secara berperingkat di seluruh negara untuk tempoh dua tahun memungkinkan hasrat tersebut tercapai.

Disamping itu, Anwar berkata Menteri Komunikasi turut memberikan penumpuan termasuklah memperluaskan skop dan kegiatan PEDi agar ia boleh dimanfaatkan dalam kalangan komuniti setempat secara



ANWAR (tengah) bersama kepimpinan Kerajaan Pulau Pinang dan Kementerian Komunikasi melancarkan karnival tersebut.

optimum.

"Ia bersekali dengan program lain seperti latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sebelum itu turut diperkenalkan di maahad tahfiz kerana dahulunya tidak dianggap penting kerana ia merupakan aliran teknik tahap kedua.

"Dengan tumpuan kerajaan terhadap bidang ini dan individu

yang terdidik dengan TVET dan kalau diberikan kursus yang strategik akan memperolehi upah dan gaji yang lebih tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan penambahan tersebut, dalam tempoh dua tahun ini, MCMC akan mengelola sebanyak 1,097 PEDi seluruh negara berbanding 911 ketika ini.

186 PEDi baharu ini akan diwujudkan secara berperingkat dalam tempoh dua tahun dan Pulau Pinang adalah negeri yang akan menerima PEDi baharu yang terbanyak iaitu sebanyak 38 PEDi baharu, menjadikan jumlah keseluruhan PEDi di negeri tersebut kelak adalah sebanyak 41 PEDi termasuk tiga buah PEDi sedia ada. 



BENGKEL dan sesi perkongsian dilaksanakan bagi memberi pendedahan awal kepada bakal usahawan dalam membantu meneroka peluang baharu termasuklah memanfaatkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi).

RM200,000 bina dinding penahan

Penduduk Tanjung Aru Nelayan lega

KHAIRUL IDIN

PENDUDUK Kampung Tanjung Aru Nelayan kini menarik nafas lega apabila isu hakisan pantai yang membelenggu sejak dua dekad lalu mendapat perhatian Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sekali gus meluluskan peruntukan bagi menangani isu tersebut.

Menurut Ketua Kampung Tanjung Aru, **Harun Damit**, kejadian hakisan pantai telah memusnahkan sebahagian besar kawasan pesisir pantai dan tanah penduduk kampung.

"Kerisauan penduduk lebih kepada keselamatan rumah mereka selepas menyedari hakisan pantai telah mula menghampiri. Isu ini telah lama kami suarakan kepada pelbagai pihak berwajib demi keselamatan penduduk dan kelestarian alam.

"Kini kami amat gembira dan bersyukur kerana kerajaan menerusi JWP telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM200,000 bagi menangani isu hakisan di



KEADAAN tembok konkrit binaan penduduk kampung yang musnah kerana hakisan pantai yang serius.

pantai ini," ujarnya menghargai usaha Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Salah seorang penduduk, Nordin Kadir berkata, pelbagai usaha dan ikhtiar telah dilakukan mereka untuk menangani masalah hakisan yang tiada penghujung.

"Kami pernah membina tembok

konkrit namun tembok itu tidak bertahan lama disebabkan hakisan pantai yang agak serius. Sebelum ini terdapat dua buah gazebo konkrit, tiga pondok kecil, padang bola sepak serta pangkalan nelayan yang dibina namun telah musnah.

"Dengan peruntukan yang diberikan ini, kami berharap isu hakisan dapat sekali gus membantu

para niaga kecil di pantai ini. Usaha ini bertepatan dengan konsep Malaysia Madani yang mahu memacu pertumbuhan pelbagai aspek yang positif," katanya mewakili penduduk kampung menzahirkan ucapan terima kasih kepada Zaliha.

Sementara itu Zaliha dalam lawatan kerja selama tiga hari ke

Labuan baru-baru ini menyatakan peruntukan sebanyak RM200,000 telah disalurkan kepada Perbadanan Labuan bagi pembinaan dinding penahan bagi menyelesaikan isu hakisan pantai berhampiran gerai makanan di Kampung Tanjung Aru Nelayan.

Jelasnya, masalah itu telah dikenal pasti menerusi Kajian Hakisan Pantai Negara (NCES) yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran pada 2015.

"Isu ini telah menyebabkan hakisan sepanjang satu kilometer sehingga menjejaskan tanah milik penduduk yang tinggal berdekatan kawasan pantai.

Sebelum ini, penduduk telah berusaha membina dinding penahan sementara daripada batu dan simen tetapi malangnya, ia rosak semasa ribut kencang melanda.

"Peruntukan ini bertujuan mengawal hakisan pantai sekali gus melegakan peniaga dan orang awam yang terkesan akibat isu berterusan yang berlaku berhampiran tapak aktiviti perniagaan," katanya. 

JPKK sambut baik peruntukan geran RM10,000

PERUNTUKAN sebanyak RM270,000 oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi Tadbir Urus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) melibatkan 27 buah kampung di Labuan amat dinanti-nantikan oleh semua ahli JPKK di pulau tersebut.

Pengerusi JPKK Kampung Bukit Kalam, Shuhaimi Kula menyifatkan peruntukan geran RM10,000 bagi pengurusan kampung yang diagihkan amat diperlukan bagi membantu pengurusan dan aktiviti JPKK kampung.

"Ia bagi melahirkan kampung yang sejahtera melalui elemen perancangan dan pelaksanaan program pembangunan kampung yang menyeluruh.

"Dengan peruntukan ini, kami di setiap JPKK dapat menjalankan tugas dengan lancar dan boleh merancang pembangunan dan program yang bakal dilaksanakan kepada penduduk kampung," katanya.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa menyalurkan peruntukan sebanyak RM520,000 kepada warga Labuan bagi menjamin kesejahteraan dan keperluan warga di pulau itu.

Sejumlah RM270,000 merupakan sumbangan kepada JPKK manakala RM200,000 merupakan bantuan chas bagi masalah hakisan pantai di sekitar Tapak Lestari Niaga Kampung Tanjung Aru Nelayan



ZALIHA ketika menyerahkan peruntukan RM520,000 demi kesejahteraan penduduk.

sekali gus untuk kerja-kerja membina benteng.

"Selain itu, RM50,000 disalurkan bagi Program Kebun Komuniti Kita @ Wilayah Persekutuan untuk pembinaan fertigasi meja di Kebun Komuniti Masjid Kg Layang-Layangan yang berkeluasan 410 meter persegi bagi menanam pelbagai tanaman seperti terung, limau kasturi, labu dan jagung.

"Hasil tanaman di kebun komuniti tersebut membantu menjaga dan meningkatkan ekonomi sara hidup kariah masjid dan komuniti setempat. Jabatan Pertanian Labuan sentiasa memberikan latihan dan pendedahan mengenai kaedah penanaman dan penjagaan tanaman kepada pengusaha kebun komuniti di

kampung ini.

"Jabatan Pertanian Labuan dengan kerjasama PL memperkenalkan kaedah ini kepada komuniti Kg Layang-Layangan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa mengadakan lawatan ke Kampung Tanjung Aru Nelayan, Masjid Layang-Layangan dan Labuan International Golf Club (LIGC), baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan Datuk Noridah Abdul Rahim; Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Samsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail. 



ZALIHA (dua dari kiri) ketika menyantuni keluarga Allahyarham Gillian.

Gillian terus dikenang sebagai hero Labuan

PENGORBANAN Allahyarham Gillian bergadai nyawa demi menyelamatkan tujuh keluarga dalam kebakaran di perumahan teras Merinding Garden, Labuan baru-baru ini sentiasa dihargai.

Kejadian yang meruntun hati itu turut mendapat perhatian daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Sejurus tiba di Labuan bagi lawatan kerja rasminya, beliau turut meluangkan masa bagi menyantuni isteri mangsa dikediamannya dan menghulurkan sumbangan wang tunai bagi meringankan beban keluarga.

Hadir sama, Timbalan

Pengerusi Perbadanan Labuan, Samsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Terdahulu, pada Januari lalu, sekitar pukul 4 pagi, Allahyarham Gillian Donald tidak sedarkan diri dan disahkan meninggal dunia susulan sesak nafas sejurus membantu membawa keluar tujuh sekeluarga dalam satu kebakaran.

Isteri mangsa, Siti Juanna Mahrop, 39, tabah menerima takdir pemergian suaminya. Dia kini mengambil tanggungjawab menjaga tiga orang cahaya mata, Van Malik Gillian, 15, Narsha Hara Gillian, 13 dan Rizqi Ali Gillian, 4 tahun. 

Gemerlap cahaya di sisiran tasik

Apakah tarikan utama dan keunikan penganjuran festival pada tahun ini?

Antara kelainan pada Lentera 2024 adalah penganjurannya di lokasi yang berbeza selain melibatkan teknik pencahayaan di darat, sisiran tasik dan atas air.

Selain pertunjukan pencahayaan, Lentera yang berkonsepkan 'Tradisi & Cahaya' itu akan turut dimeriahkan dengan elemen pertunjukan kebudayaan tradisional Melayu, Cina dan India serta Borneo. Pertunjukan tersebut akan dibawa oleh pasukan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara serta komuniti Putrajaya.

Lentera merupakan festival pencahayaan edisi khas yang dianjurkan di sisiran tasik dengan pengisian utama iaitu 'Light Symphony' dan 'Musical Fountain'. Antara keunikan dan identiti festival ini adalah pertunjukan pencahayaan 'Grand Light Symphony' dan 'Musical Fountain' di Tasik Putrajaya serta Jambatan Monorel sebagai elemen utama dan mega.

Dalam masa sama, terdapat juga dekorasi pencahayaan di atas air dan pertunjukan bot-bot berhias bercahaya yang akan menambahkan lagi impak keindahan pencahayaan di perkarangan pesisiran tasik Putrajaya.

Lokasi Anjung Floria akan bergemerlapan dengan keindahan taman-taman dekorasi pencahayaan di Lil' Lumin's Land, Laman Cahaya PJH, Laman Komuniti Putrajaya, Laman Melayu, Laman China, Little India, Laman Retro, English Garden, Laman Dulu-Dulu, Jurassic Reverie, Enchanted Arbor, Tetris Harmony, Atma Kirana, Lumina Matrix, Algorithmic Aurora, Fantasy Garden, Panda Garden, Tree of Life, Lollipop Garden, Heart Shape Tunnel, Blue Tunnel, Avatar Trees, Aurora River, Misty Forest, Firefly Garden, Paddy Field dan 5 Rakan-Rakan LAMPU.

Berapa banyak pengisian aktiviti bagi festival ini?

Selain daripada pertunjukan pencahayaan di tasik dan dekorasi pencahayaan di seluruh perkarangan Anjung Floria, terdapat juga acara-acara sampingan lain seperti Pertandingan Kreativiti 3R, Petting Zoo, Kampung Beca, persembahan kebudayaan, persembahan band buskers, Coslay/Badut Belon, Wayang Kulit, Wayang Pacak (Jabatan Penerangan), Pertunjukan Remote Control Aircraft Bercahaya,

BERMULA Sabtu ini, pusat pentadbiran negara, Putrajaya bakal dilimpahi lampu cahaya berwarna-warni sempena Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024.

Lebih istimewa, penganjuran kali ini diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024 dan ulang tahun ke-29 Perbadanan Putrajaya (PPj) yang ditubuhkan pada 1 Mac 1996. Penganjuran festival yang julung kali diadakan

itu akan berlangsung selama sembilan hari bermula 24 Februari (esok) sehingga 3 Mac ini bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya dari pukul 5 petang hingga 11 malam.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024, ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan Wilayahku, SABRINA SABRE bersama Presiden PPj, DATUK TP FADLUN MAK UJUD.

informasi LED, khemah Lost & Found, khemah teduhan (rain stops) selain sukarelawan seramai 50 orang.

Berapakah bayaran masuk ke festival ini?

Untuk warganegara, tiket dewasa adalah sebanyak RM10 manakala RM5 buat warga emas dan kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

Untuk bukan warganegara, tiket dewasa adalah RM30 manakala kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun bernilai RM15. Buat pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) pula adalah percuma.

Justeru itu, saya berharap agar semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada pengisian Lentera 2024 yang mana menampilkan perpaduan kaum serta teknologi terkini dalam teknik pencahayaan sama ada di darat mahupun di air.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; Twitter @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

Jangan lupa untuk hashtag hantaran anda iaitu #POD2024; #perbadananputrajaya; #wilayahuntuksemua dan #malaysiamadani.



ANTARA spot instagrammable yang unik dan menarik di Lentera Putrajaya 2024. Foto: FARIS AZMI/PPj

Paraglider Bercahaya, Zumba Glow in the Dark, Water Taxi, Beca/Scooter, bot pedal, kayak, sewaan pakaian tradisional, photo booth, face painting dan henna painting.

Dalam pada itu, kami juga menyediakan 60 buah gerai makanan dan minuman (Food Valley), 30 food truck, 10 gerai Coffee Fiesta, Pulse Grande Cafe, Cyclist Cafe serta Lake Cabin Cafe untuk santapan pengunjung yang hadir.

Penganjuran Festival Lentera pada kali ini dilaksanakan oleh pihak PPj sahaja atau ada bekerjasama dengan mana-mana rakan strategik?

Lentera 2024 dianjurkan secara bersama dengan Pulse Group dan rakan-rakan strategik iaitu

Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan We Grow (KRU Studios).

Sasaran pengunjung yang dijangka hadir ke festival ini?

Dengan lebih 40 pengisian unik, menarik dan istimewa, festival kali ini menyasarkan sebanyak 1.5 juta pengunjung dan pelancong ke Putrajaya seterusnya dapat merancakkan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

Bagi pengunjung yang hadir, kita akan menyediakan tempat parkir kereta (open parking) dan shuttle bus percuma dari Putrajaya Sentral ke Lentera.

Selain itu, terdapat juga kemudahan seperti tandas, surau, tiga pintu masuk utama, online-ticketing, tiga kaunter tiket (digital), papan-papan



Giat jalani latihan insentif

Aisyah buru emas di Sukan SEA tahun depan

SABRINA SABRE

HAMPIR 12 tahun mendapat pendedahan dalam sukan kayak, kini atlet Wilayah Persekutuan, Aisyah Farhanah Azwan, 24, bercita-cita untuk menempa kejayaan bersama skuad kebangsaan di Kejohanan Dunia.

Setiap kali terpilih untuk tampil di pentas pertandingan, dia sebolehnya mahu memastikan skuad kayak mencipta rekod hebat.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana setiap kali pasukan memperolehi kemenangan, secara tidak langsung ia juga merupakan kejayaan bagi diri sendiri," ujarnya.

Dalam masa sama, anak bongsu daripada enam orang adik-beradik ini memberitahu dia sedang giat mempersiapkan diri sebelum menghadapi Kejohanan Southeast Asian (SEA) Games yang bakal berlangsung di Thailand tahun depan.

"Saya akan lakukan sehabis baik untuk meraih pingat emas di samping menjalani latihan intensif untuk memperbaiki diri sedikit demi sedikit supaya menjadi lebih padu.



AKSI Aisyah Farhanah dalam pemilihan SEA Games yang berlangsung di Johor baru-baru ini.

"Sukan kanu ini memerlukan latihan yang konsisten bukan sahaja untuk mengekalkan stamina tetapi juga prestasi di dalam air," ujar atlet kelahiran Kuala Lumpur ini.

Ingin menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa, Aisyah

Farhanah berhasrat untuk terus membawa sukan kanu kekal unggul di mata dunia.

"Di Malaysia, sukan ini masih asing tetapi di luar negara, kanu adalah antara sukan popular di mana prestasi atlet mereka cukup hebat. Semoga atlet kita akan

sampai ke tahap seperti itu juga.

"Saya berharap akan diberi peluang untuk menyertai kejohanan di luar negara pada tahun ini dan akan datang jika keadaan mengizinkan," ujarnya.

Sebagai pelajar jurusan Diploma Sains Sukan di Universiti

Pencapaian Aisyah Farhanah

2023 - Pesta Air KBS - Emas

2023 - Kuala Lumpur Canoe International Polo Championship - Tempat kedua

2023 - Asia Canoe Polo Championship - Tempat ketujuh

Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Aisyah Farhanah memberitahu dia menyimpan cita-cita untuk bergelar seorang fisioterapi apabila tamat pengajian pada kelak.

"Sungguhpun mencintai sukan kayak namun saya tidak mahu mengabaikan pelajaran dan menjadikan gelaran atlet sebagai suatu halangan. Itu janji saya pada diri dan keluarga.

"Kalau boleh saya ingin bergelar atlet yang berpendidikan tinggi. Malah besar harapan suatu hari nanti dapat menjadi ahli fisioterapi yang hebat," ujarnya. 

Pakar psikologi bantu hadapi Olimpik 2024

PERSATUAN Badminton Malaysia (BAM) akan membawa masuk pakar psikologi, Frederick Tan dalam usaha meningkatkan lagi kekuatan mental pemain negara menjelang Sukan Olimpik Paris 2024 yang dijadual bakal berlangsung pada 26 Julai hingga 11 Ogos depan.

Pengarah Pentadbiran Akademi Badminton Malaysia (ABM), Michelle Chai berkata dengan pelantikan Frederick, ia mampu memberi nilai tambahan kepada pemain walaupun sudah dibekalkan dengan perkhidmatan psikologi oleh Institut Sukan Negara (ISN).

"Sebelum ini kita memang mempunyai pakar psikologi namun kita bergantung di bawah ISN dan sekarang BAM ada pakar psikologi sendiri di mana ia tambahan kepada Program Road To Gold (RTG). Kita sentiasa mencari cara untuk memperbaiki apa yang kurang dalam pasukan negara.

"Pemilihan Frederick adalah berdasarkan pengalaman yang dimilikinya. Jadi dalam empat hingga lima bulan ini, kita akan melipatgandakan usaha untuk membantu barisan pemain negara," ujar beliau. Frederick akan memulakan tugas secara sepenuh masa mulai 23 Februari 2024.

Dalam masa sama, Michelle berkata kesejahteraan dan kebajikan pemain juga amat penting dalam setiap keputusan yang dibuat badan induk itu.

"Reaksi setiap pemain adalah berbeza, kalau kita cakap kita mahu hantar pemain pergi China, Jepun atau mana-mana negara pun, sesetengah mental pemain mungkin terjejas kerana situasi yang diterima berbeza. Oleh itu, selain berbincang dengan jurulatih, kita juga melakukan perbincangan



PEMAIN badminton Malaysia giat menjalani sesi latihan. - Gambar hiasan

dengan pemain.

"Kesihatan mental mereka penting. Ada pemain akan cakap mahu cuba, tetapi ada pula pemain yang mungkin berpendapat ianya tidak sesuai. Ada beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan, tetapi ia juga merupakan salah satu daripada perkara yang akan menjadi perbincangan," ujar beliau.

Sementara itu, Pengarah Kejurulatihan ABM, Remy Mainaky berharap Frederick dapat mengadakan pertemuan empat mata bersama barisan pemain yang berada dalam senarai Program RTG bagi merungkai permasalahan yang membelenggu mereka.

Ketika ini beregu lelaki utama negara yang juga juara dunia 2022, Aaron Chia-Soh Wooi Yik, Pearly Tan-M. Thinaah (beregu wanita), Chen Tang Jie-Toh Ee Wei (beregu campuran) dan perseorangan lelaki negara

Ng Tze Yong berada dalam Program RTG.

"Di Olimpik, pelbagai acara, kita perlu selesaikannya. Jika kita tidak selesaikan apa yang pemain fikir, apa yang hendak dicapai, apa sahaja latihan yang kita lakukan, ia tidak akan berjaya. Pada 23 Februari, kita akan pastikan Frederick duduk dengan semua pemain untuk mencari apa yang diperlukan.

"Pemain perlu mempunyai pemikiran yang saya mahu bermain di gelanggang ini, saya mahu lakukan dan jadikan impian Malaysia untuk menang emas pertama di Olimpik, tercapai," ujar Remy.

Ditanya adakah barisan pemain negara akan dihantar untuk menjalani latihan di luar negara, Remy memaklumkan beliau perlu mendapatkan persetujuan daripada barisan pemain negara terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. 

Skuad hoki 5s terima habuan RM96,000

MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menunaikan janjinya apabila meluluskan insentif kemenangan sebanyak RM96,000 kepada skuad Hoki 5 sebelah (5s) lelaki kebangsaan.

Insentif itu sebagai imbuhan buat pasukan berkenaan yang muncul naib juara edisi sulung Piala Dunia 5s di Muscat, Oman, pada 28 hingga 31 Januari lepas.

Perkara itu diumumkan oleh Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) dalam kenyataan ringkas menerusi media sosialnya baru-baru ini sambil mengucapkan terima kasih kepada Hannah dan Majlis Sukan Negara (MSN) atas insentif tersebut.

Ketika menyambut kepulangan skuad kendalian Wallace Tan dari Muscat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2 Februari lepas, Hannah berkata skuad berkenaan bakal menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) berjumlah RM80,000.

Selain itu, beliau berkata pihaknya juga akan membayar semula wang yang telah dibelanjakan KHM bagi kempen Piala Dunia itu.

Sebagai rekod, Malaysia muncul naib juara edisi Piala Dunia Hoki 5s 2024 selepas tewas 2-5 di tangan pasukan gergasi Eropah, Belanda pada aksi final yang berlangsung di Stadium Hoki Oman. 

Masjid dan surau perlu lebih kreatif tarik jemaah



MOHD Na'im mahu program yang dianjurkan melibatkan masyarakat.

PENGERUSI dan ahli jawatankuasa masjid serta surau di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) disaran supaya lebih kreatif menganjurkan aktiviti sepanjang Ramadan bagi menarik kehadiran orang ramai khususnya golongan muda.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata usaha itu bagi memastikan masjid dan surau di sekitar Wilayah Persekutuan dapat terus diimarahkan.

"Dalam konteks untuk mengimarahkan masyarakat dengan program kerohanian, menjadi tanggungjawab agensi hal ehwal Islam untuk mencari kaedah memperhebat

program-program penghayatan khususnya dalam bulan Ramadan nanti.

"Pengerusi dan ahli jawatankuasa masjid serta surau kena fikirkan aktiviti-aktiviti dalam bulan Ramadan selain daripada iftar dan sahur yang biasa dianjurkan untuk kita mengajak lebih ramai datang ke masjid dan surau," katanya. Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Seminar Ambang Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1445 Hijri serta Pelancaran Blue Print UNITY dan aplikasi DAWANITY, di Putrajaya pada Selasa.

Mohd Na'im berkata bagi menggalakkan penganjuran program menarik diadakan di masjid dan surau, JAWI akan mengumumkan insentif yang

berkaitan pada 5 Mac ini.

"Insentif yang akan kita umumkan itu adalah sebahagian daripada usaha JAWI untuk memberikan dorongan dan motivasi kepada pengerusi dan ahli jawatankuasa masjid serta surau dalam mempelbagaikan program mereka," katanya. Menurut Mohd Na'im program yang dianjurkan itu pada masa sama perlu memberi kesan positif kepada pembentukan masyarakat MADANI.

"Kita tidak boleh sekadar menganjurkan program semata-mata tanpa meletakkan objektif program.

Penilaian perlu dibuat agar setiap program yang dilaksanakan benar-benar mencapai objektif seperti yang dihasratkan," katanya. BERNAMA

Orang ramai harus cari maklumat hindari sikap mudah terpengaruh

Waspada individu berperwatakan warak

AZLAN ZAMBRY

UMAT Islam dalam negara ini perlu sentiasa berwaspada dengan mana-mana individu yang berperwatakan warak dan mendakwa daripada keturunan Rasulullah SAW agar tidak tertipu dengan golongan tersebut.

Pendakwah, **Ustaz Syed Mohd Nazli Syed Ahmad Jamalulhail** berkata semua pihak harus mencari maklumat dan fakta yang lengkap bagi menghindari sikap mudah terpengaruh terutama golongan yang menjadikan perwatakan agama sebagai alat untuk menipu.

"Orang Malaysia atau orang negara mana pun, apabila malas membaca atau malas mencari maklumat dari asas fakta yang lengkap pastinya akan mudah terpengaruh.

"Golongan ini akhirnya seolah-olah 'memajakkan' otak mereka kepada agamawan yang mereka sanjung dengan alasan bahawa ustaz ini dan ustazah itu pun terima, apatah lagi kita," katanya ketika di hubungi pada Rabu.

Beliau berkata ketika individu tersebut di bawa ke negara ini untuk program keagamaan, berlaku sedikit perdebatan dan kekecohan terhadap peribadinya.

"Ekoran daripada itu maka beberapa pentadbir urusan agama dalam negara telah mula menyiasat tentangnya dan menerima laporan-laporan yang tidak baik yang diperolehi dari negaranya.

"Maka pihak berkuasa agama negeri telah bertindak dengan membatalkan program-



ISLAM mengajar supaya kita menyelidiki apa jua maklumat yang diterima supaya dapat menghindari sikap taksab.

program yang berkaitan dengan kehadiran mereka dalam program tersebut," katanya.

Ditanya mengenai perkembangan semasa bahawa individu berkenaan kini dalam pemantauan polis ekoran tindakannya membeli sebidang tanah di Melaka untuk tujuan penubuhan Kerajaan 9, beliau berkata perkembangan ini sangat merisaukan.

"Walau bagaimanapun, seelok-eloknya kita serahkan kepada pihak berkuasa dan menunggu hasil pemantauan serta siasatan mereka," katanya.

Jelas Syed Mohd Nazli semua pihak hendaklah sentiasa membaca dan mencari maklumat yang tepat

berasaskan sumber yang asli supaya dapat menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa penipuan serta menghindari sikap taksab kepada mana-mana individu yang berperwatakan agama khususnya dari luar negara.

"Kalau berkaitan agama, kita telah ada sumber rujukan yang sahih. Rujuklah kepada Al-Quran dan Hadis atau kepada sesiapa yang diiktiraf berkemahiran dalam bidang agama, antaranya mufti.

"Selain itu, agama juga mengajar supaya kita tidak langsung menerima sebarang maklumat yang diterima. Kita dianjurkan supaya *tabaiyyun* atau menyelidiki sebarang maklumat seperti yang terkandung dalam surah Al-Hujurat

ayat ke enam dan boleh dirujuk," katanya.

Dalam masa yang sama, kata Syed Mohd Nazli orang ramai perlu mengelakkan daripada bergantung kepada sentimen orang kita atau ustaz kita ketika berhadapan dengan sesuatu isu.

"Jangan kerana maklumat yang tepat itu datangnya bukan dari ustaz atau ustazah aliran kita, kita tolak. Begitulah sebaliknya, oleh kerana maklumat itu dari ustaz atau ustazah kita, maklumat yang tidak tepat dan tidak sahih pun kita terima," katanya.

Terdahulu seorang lelaki warga Maghribi dikenali dalam kalangan pengikutnya sebagai 'Mawla Mohamed Amin al-Hassani yang

mendakwa dirinya mempunyai jalur keturunan Nabi Muhammad, kini berada di bawah pemantauan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Individu itu yang pernah tular pada tahun 2022 lalu sempat mencetus perdebatan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana terdapat sebahagian rakyat Malaysia yang menyokongnya dan tidak ketinggalan juga yang meragui latar belakangnya.

Tindakan pemantauan itu disahkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Hussain kepada sebuah akhbar tempatan susulan laporan akhbar bahawa seorang mudir sebuah madrasah di Selangor, aktif mempromosi Mawla Amin dengan mengutip dana awam secara tidak sah, selain merancang untuk mewujudkan satu perkampungan Kerajaan 9 di Melaka sebagai persiapan akhir zaman kepada pengikutnya.

RALAT

KAMI merujuk kepada artikel yang disiarkan pada Bil 249 bertarikh 9-15 Februari 2024 (muka surat 6) di bawah tajuk 'Dapur Seputeh fokus utama Teresa Kok' pada perenggan ketiga iaitu kesalahan nama yang digunakan.

Pihak kami memohon maaf dan kesal di atas sebarang kesulitan yang timbul kepada semua pihak terutamanya Yang Berhormat Teresa Kok.

